



ATURAN

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

HINGGA 26 JUN 2019

ATURAN
KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

SUSUNAN ATURAN

ATURAN	PERKARA	MUKA SURAT
1	ATURAN-ATURAN PEMBIAYAAN	1
1.1	PEMBIAYAAN PERSENDIRIAN (PEMBIAYAAN BERPENJAMIN / PEMBIAYAAN ATAS YURAN)	1
1.2	PEMBIAYAAN PERSENDIRIAN TANPA PENJAMIN	6
1.3	PEMBIAYAAN KENDERAAN	10
1.4	PEMBIAYAAN MEMBELI TANAH PERTANIAN	12
1.5	PEMBIAYAAN MEMBELI TANAH DAN RUMAH	14
1.6	PEMBIAYAAN MEMBELI KOMPUTER	16
1.7	ATURAN AM PEMBIAYAAN	17
1.8	PEMBIAYAAN PREMIUM INSURANS	20
1.9	PEMBIAYAAN KENDERAAN ANGGOTA LEMBAGA	21
1.10	PEMBIAYAAN KONSUMER	23
1.11	PEMBIAYAAN PERMULAAN KEPADA REKRUT DAN INSPEKTOR PERCUBAAN	27
1.12	PEMBIAYAAN PELAJARAN BELAJAR DI KOLEJ UNIKOP	28
1.13	PEMBIAYAAN SUBSIDIARI KPDRM	30
1.14	PEMBIAYAAN PERSENDIRIAN - ASB	32
1.15	PEMBIAYAAN EKSPRES / MUDAH	34

ATURAN	PERKARA	MUKA SURAT
2	ATURAN WANG SIMPANAN KHAS DAN PENGELUARANNYA	39
3	ATURAN BANTUAN PELAJARAN	39
	- BANTUAN PELAJARAN TINGGI	40
	- BANTUAN PELAJARAN RENDAH	40
4	ATURAN BANTUAN KEMATIAN	41
5	ATURAN PENAMA	43
6	ATURAN PENUBUHAN DAN PEMANSUHAN DAERAH KOPERASI	45
7	ATURAN PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA	46
8	ATURAN PELANTIKAN JAWATANKUASA PEMILIH ANGGOTA LEMBAGA	48
9	ATURAN TETAP MESYUARAT AGUNG	50
10	ATURAN WANG TABUNG PEMBIAYAAN	58
11	ATURAN PEMILIHAN AHLI JAWATANKUASA KECIL DAERAH / FORMASI	59
12	ATURAN PELANTIKAN JAWATANKUASA KECIL PENAPIS USUL	60
13	ATURAN PENGAMBILAN DEPOSIT WANG SEKURITI / WANG TAHANAN DARIPADA PIHAK KETIGA	62
14	ATURAN YURAN	63
15	ATURAN MODAL SYER	64

1. ATURAN-ATURAN PEMBIAYAAN

1.1 PEMBIAYAAN PERSENDIRIAN

(PEMBIAYAAN BERPENJAMIN / PEMBIAYAAN ATAS YURAN)

Borang Permohonan Pembiayaan

1. Permohonan pembiayaan hendaklah dibuat melalui borang yang disediakan oleh Koperasi ini.

Kelayakan Meminjam

2. (1) Telah genap enam bulan menjadi anggota dan telah menjelaskan sepenuhnya harga **200 unit syer**;
(2) Telah disahkan jawatan dan telah genap setahun berkhidmat di dalam pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau lain-lain institusi / syarikat yang dibenarkan di bawah fasal (1) undang-undang 11;
(3) (a) Bagi pembiayaan berpenjamin, anggota yang meminjam dikehendaki mengadakan tidak kurang dari dua orang penjamin di kalangan anggota. **Khusus bagi anggota di bawah Cawangan Khas E1 (M), bagi pembiayaan melebihi RM10,000.00, anggota dikehendaki mengadakan tiga orang penjamin di kalangan pegawai berpangkat Inspektor dan ke atas.**
(b) Apabila sebarang penjamin itu meninggal dunia atau berhenti daripada menjadi anggota, maka wajiblah peminjam mengadakan penjamin baru dan sama-sama bertanggungjawab terhadap pembiayaan itu.
(4) Pembiayaan berlipat adalah dibenarkan tertakluk kepada potongan gaji tidak melebihi **enam puluh peratus (60%) daripada gaji (gaji pokok dan elaun-elaun tetap)**;
(5) Anggota-anggota yang mendapat kemudahan ini tidak layak mendapat kemudahan **pembiayaan Persendirian Tanpa Penjamin**;

Lulus
Aturan
AGM83

Lulus
Aturan
AGM81

Lulus
Aturan
AGM77

Lulus
Aturan
AGM83

- (6) Menyertai Skim Insuran Perlindungan Berkelompok, keahlian Skim Insuran Perlindungan Berkelompok hendaklah diteruskan sehingga pembiayaan selesai dijelaskan. Tidak terpakai kepada anggota yang telah bersara.

Had Pembiayaan

3. (1) Bagi pembiayaan berpenjamin, had pembiayaan adalah 12 bulan gaji pokok peminjam dicampur dengan jumlah wang yuran sebenarnya telah dibayar olehnya atau RM10,000.00 mana-mana yang kurang. **Khusus bagi anggota di bawah Cawangan Khas E1 (M), had pembiayaan ialah RM150,000.00.**
- (2) Bagi Pembiayaan Atas Yuran, had pembiayaan adalah 80% daripada wang yuran yang telah dibayar oleh anggota.
- (3) Anggota-anggota yang di bawah Undang-Undang Kecil 21(3) tidak berhak meminjam selain pembiayaan daripada jumlah yurannya dan tidak berkelayakan menjadi penjamin kepada sebarang pembiayaan.

Lulus
Aturan
AGM81

Kegunaan Pembiayaan

4. (1) Pembiayaan hanya akan diberi untuk kegunaan yang patut dan munasabah.
- (2) Kegunaan pembiayaan yang dipinta itu hendaklah disebut dengan terang dan benarnya di dalam borang permohonan kepada Lembaga. Lembaga hendaklah memastikan bahawa pembiayaan itu digunakan dengan sebenarnya di atas sebab-sebab yang telah diberikan.

Bayaran perkhidmatan pembiayaan dan lain-lain caj

5. (1) Bayaran perkhidmatan atau **disebut keuntungan pembiayaan akan dikenakan ke atas jumlah pembiayaan pada kadar tidak melebihi enam peratus (6%) setahun kadar "flat".**
- (2) Bayaran yuran pemprosesan dikenakan sebanyak RM50.00 bagi setiap pembiayaan.
- (3) Bayaran yuran pemprosesan dikenakan sebanyak RM30.00 bagi urusan penjelasan awal pembiayaan dengan lain-lain pihak.

Lulus
Aturan
AGM77

- (4) Bayaran caj pelangsaan pembiayaan dikenakan sebanyak 1.5 peratus (1.5%) daripada baki pembiayaan **sebenar atau harga jualan tertanggung setelah ditolak rebat**. Caj ini dikecualikan bagi pembiayaan berlipat yang dikeluarkan oleh Koperasi ini.

Lulus
Aturan
AGM77

Tempoh Bayaran

6. (1) Pembiayaan serta bayaran perkhidmatan hendaklah dibayar beransur-ansur dalam tempoh yang dibenarkan oleh Lembaga tetapi tidak lebih daripada enam puluh (60) bulan atau tempoh perkhidmatannya berakhir yang mana satu tamat dahulu. **Khusus bagi anggota di bawah Cawangan Khas E1 (M), tempoh maksimum dibenarkan ialah seratus dua puluh (120) bulan.**
- (2) Anggota-anggota yang membuat pembiayaan boleh menyelesaikan pembiayaannya pada bila-bila masa sebelum sampai tempohnya tertakluk kepada caj-caj pelangsaan daripada baki pembiayaan belum selesai yang ditetapkan.
- (3) Jumlah potongan bulanan terhadap ansuran pembiayaan dan lain-lain **potongan bagi anggota itu tidak boleh melebihi daripada 60% gaji bulannya.**

Lulus
Aturan
AGM81

Lulus
Aturan
AGM77

Menuntut Balik Baki Pembiayaan

7. (1) Peminjam yang meninggal dunia, berhenti kerja, ditamatkan perkhidmatan, bankrap atau lain-lain sebab, jika pembiayaannya masih berbaki, ianya akan diselaraskan dengan Modal Saham dan Modal Yuran peminjam.
- (2) Bagi Pembiayaan Berpenjamin, jika pembiayaannya masih berbaki setelah Modal Saham dan Modal Yuran diselaraskan, baki akan dituntut dari penjamin-penjaminnya.
- (3) Koperasi berhak menuntut balik serta merta pembiayaan yang telah diluluskan bersama-sama bayaran perkhidmatannya, tanpa menghiraukan syarat-syarat yang tertakluk terhadap pembiayaan itu atas hal-hal berikut:-
- (a) Keanggotaan peminjam terhenti oleh sesuatu sebab;
 - (b) Sekiranya penjamin di atas sesuatu sebab tidak lagi berupaya untuk menyambung jaminan dan peminjam gagal menyediakan penjamin baru;
 - (c) Pembiayaan digunakan untuk tujuan lain daripada apa yang telah diluluskan;

- (d) Sekiranya peminjam tidak membayar tiga bulan berturut-turut ansuran pembiayaan;
 - (e) Sebarang anggota yang akan bersara daripada jawatan yang masih berhutang kepada Koperasi, maka baki hutangnya itu boleh diselaraskan dengan modal yuran.
- (4) Lembaga hendaklah menuntut balik wang-wang pembiayaan ataupun bayaran perkhidmatan yang telah lampau masanya lebih dari dua bulan daripada penjamin-penjamin, atau jika surat cagaran atau gadaian hendaklah dijalankan mengikut kuatkuasa undang-undang. Jika peminjam dan penjamin tidak mengganti wang-wang itu atau tidak menunaikan ansuran-ansuran hutang itu dalam masa satu bulan dari tarikh tuntutan, Lembaga hendaklah mengemukakan perkara ini kepada Ketua Pendaftar tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan-peraturan.

Akujanji / Jaminan

8. (1) Peminjam hendaklah menandatangani perjanjian pembiayaan yang disediakan.
- (2) Bagi Pembiayaan Berpenjamin, peminjam dan penjamin-penjaminnya hendaklah menandatangani Surat Jaminan yang disediakan.
- (3) Apabila sebarang anggota meminjam atau menjadi penjamin di atas suatu pembiayaan, maka hendaklah ia memastikan yang ia tidak menarik diri (berhenti) daripada menjadi anggota sehingga pembiayaan itu dibayar balik sepenuhnya.
- (4) Anggota-anggota hendaklah bersetuju yang gajinya akan dipotong oleh Pegawai yang membayar gajinya itu untuk segala ansuran hutang dan bayaran perkhidmatan di atas pembiayaannya juga hendaklah ia bersetuju menandatangani penyata gajinya itu seperti ia menerima gajinya yang penuh dan seolah-olahnya tidak dipotong gajinya.
- (5) Jumlah had tanggungan tiap-tiap anggota kepada Koperasi ini, baik peminjam atau penjamin atau kedua-duanya sekali ialah sebanyak 12 bulan gaji pokoknya ditambah dengan jumlah yuran telah dibayar. Satu daftar akan disimpan menunjukkan banyaknya tanggungan sebarang anggota baik sebagai peminjam atau penjamin.
- (6) Tanggungan sebarang penjamin terhadap sebarang peminjam gugur apabila baki hutang sebarang peminjam telah sama banyak yuran terkumpulnya atau peminjam telah diluluskan pembiayaan yang baru.

Lain-lain Syarat Pembiayaan

9. (1) Pembiayaan yang selesai mengikut jadual, Deposit Sekuriti akan dikembalikan. Pembiayaan yang diselesaikan lebih awal sebelum sampai tempohnya, Deposit Sekuriti akan dikira sebagai sebahagian dari bayaran ansuran pembiayaan.
- (2) Lembaga berkuasa menolak atau menhadkan permohonan sebarang pembiayaan dari sebarang anggota tanpa menyatakan sebab-sebab.
- (3) Lembaga dalam mesyuaratnya boleh meminda dan/atau menambah dan/atau mengurang syarat pembiayaan bagi memenuhi kehendak dari semasa ke semasa jika pada pendapat Lembaga syarat tersebut boleh memudaratkan aliran kewangan Koperasi ini.

1.2 PEMBIAYAAN PERSENDIRIAN TANPA PENJAMIN

Borang Permohonan Pembiayaan

1. Permohonan pembiayaan ini hendaklah dibuat melalui borang yang disediakan oleh Koperasi ini.

Kelayakan Meminjam

2. (1) **Anggota baru Koperasi layak memohon Pembiayaan Tanpa Penjamin apabila telah menjelaskan sekurang-kurangnya satu (1) bulan caruman yuran keanggotaan menerusi potongan gaji.**

Lulus Aturan AGM83

- (2) Telah menjelaskan sepenuhnya harga **200 unit syer** sama ada secara tunai/ansuran atau potongan melalui pembiayaan;

Lulus Aturan AGM83

- (3) Mempunyai modal yuran terkumpul tidak kurang dari RM500.00. Sekiranya modal yuran semasa kurang dari RM500.00, perbezaannya akan diambil dari pembiayaan tersebut;
- (4) Caruman modal yuran mestilah sekurang-kurangnya **RM50.00** sebulan;

Lulus Aturan AGM83

- (5) Menyertai Skim Insurans Berkelompok. Keahlian Skim Insurans Perlindungan Berkelompok hendaklah diteruskan sehingga pembiayaan selesai dijelaskan. Bagi anggota yang baru menyertai Skim Insurans Kelompok bagi tujuan mendapatkan pembiayaan, pendahuluan Insurans 3 bulan akan ditolak dari jumlah pembiayaan;
- (6) Pembiayaan bertindih adalah dibenarkan tertakluk kepada potongan gaji tidak melebihi **enam puluh peratus (60%) daripada gaji (gaji pokok dan elaun-elaun tetap);**
- (7) Anggota yang bersara dan anggota yang digantung kerja tidak berhak meminjam di bawah aturan ini. Permohonan pembiayaan hanya akan dipertimbangkan selepas anggota bebas dari tindakan dan telah diambil bekerja semula. Pengesahan daripada Ketua Jabatan adalah diperlukan;
- (8) Anggota-anggota yang mendapat kemudahan ini tidak layak untuk mendapatkan kemudahan Aturan Pembiayaan 1.1 - Pembiayaan Persendirian (Pembiayaan Berpenjamin / Pembiayaan Atas Yuran).

Had Pembiayaan

1. Had pembiayaan adalah RM150,000.00 atau satu jumlah lain tertalkluk kepada kelulusan oleh Lembaga
2. **- Dimansuhkan -**

Lulus
Aturan
AGM78

Lulus
Aturan
AGM83

Kegunaan Pembiayaan

4. Pembiayaan akan hanya diberi untuk kegunaan yang patut dan munasabah.

Bayaran Perkhidmatan Pembiayaan Dan Lain-lain Caj

5. (1) Bayaran perkhidmatan **atau disebut keuntungan pembiayaan akan dikenakan ke atas jumlah pembiayaan pada kadar tidak melebihi enam peratus (6%) setahun kadar "flat"**.
- (2) Bayaran Tabung Pembiayaan dikenakan sebanyak satu peratus (1%) atas jumlah pembiayaan RM20,000.00 dan ke bawah yang diluluskan dan dua peratus (2%) atas jumlah pembiayaan **RM20,001.00 atau lebih**. Bayaran Tabung Pembiayaan ini ditolak dari pembiayaan yang diluluskan.
- (3) Bayaran Yuran Pemprosesan dikenakan sebanyak RM100.00 bagi setiap pembiayaan.
- (4) Bayaran Yuran Pemprosesan dikenakan sebanyak RM30.00 bagi urusan penjelasan awal pembiayaan dengan lain-lain pihak.
- (5) Bayaran caj pelangsaian pembiayaan dikenakan sebanyak 1.5 peratus (1.5%) daripada baki pembiayaan **sebenar atau harga jualan tertanggung setelah ditolak rebat**. Caj ini dikecualikan bagi pembiayaan berlipat yang dikeluarkan oleh Koperasi ini.

Lulus
Aturan
AGM8

Lulus
Aturan
AGM7

Tempoh Bayaran

6. (1) Tempoh maksimum bayar balik ialah **120 bulan** atau tempoh tamat perkhidmatan anggota yang meminjam, yang mana terdahulu.
- (2) **- Dimansuhkan -**

Lulus
Aturan
AGM8

Lulus
Aturan
AGM83

- (3) Jumlah potongan bulanan terhadap ansuran pembiayaan dan lain-lain bagi sebarang anggota itu tidaklah boleh melebihi daripada **60% gaji bulanannya atau lain-lain had mengikut arahan Ketua Polis Negara dari masa ke semasa.**

Menuntut Balik Baki Pembiayaan

7. (1) Peminjam yang meninggal dunia sekiranya mempunyai baki pembiayaan tertunggak selepas diselaraskan dari Modal Yuran dan Modal Syer, akan dituntut dari Wang Tabung Pinjaman.
- (2) Peminjam yang diberhentikan kerja, dibuang kerja, ditamatkan perkhidmatan atau bankrap, baki pembiayaannya akan dituntut mengikut proses yang sedia ada.
- (3) Koperasi boleh mendakwa dan menuntut balik baki pembiayaan daripada peminjam yang meletakkan jawatannya atau menamatkan perkhidmatannya sebelum mencapai had umur 55 tahun atau had umur bersara yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dari masa ke semasa.
- (4) Koperasi berhak menuntut balik serta merta pembiayaan yang telah diluluskan bersama-sama bayaran perkhidmatannya, tanpa menghiraukan syarat-syarat yang tertakluk terhadap pembiayaan itu atas hal-hal berikut:-
- (a) Keanggotaan peminjam terhenti oleh sesuatu sebab;
 - (b) Pembiayaan digunakan untuk tujuan lain daripada apa yang telah diluluskan;
 - (c) Sekiranya peminjam tidak membayar tiga bulan berturut-turut ansuran pembiayaan;
 - (d) Sebarang anggota yang akan bersara daripada jawatan yang masih berhutang kepada Koperasi, maka baki hutangnya itu boleh diselaraskan dengan modal yurannya.
- (5) Lembaga hendaklah menuntut balik wang-wang pembiayaan ataupun bayaran perkhidmatan yang telah lampau masanya lebih dari dua bulan daripada peminjam. Jika peminjam tidak mengganti wang-wang itu atau tidak menunaikan ansuran-ansuran hutang itu dalam masa satu bulan dari tarikh tuntutan, Lembaga hendaklah mengemukakan perkara ini kepada Ketua Pendaftar tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan-Peraturan.

Akujanji / Jaminan

8. (1) Peminjam hendaklah menandatangani perjanjian pembiayaan yang disediakan.
- (2) Apabila sebarang anggota meminjam, maka hendaklah ia memastikan yang ia tidak menarik diri (berhenti) daripada menjadi anggota sehingga pembiayaan itu dibayar balik sepenuhnya.
- (3) Anggota-anggota hendaklah bersetuju yang gajinya akan dipotong oleh Pegawai yang membayar gajinya itu untuk segala ansuran hutang dan bayaran perkhidmatan di atas pembiayaannya juga hendaklah ia setuju menandatangani penyata gajinya itu seperti ia menerima gajinya yang penuh dan seolah-olahnya tidak dipotong gajinya.

Lain-lain Syarat Meminjam

9. (1) Pembiayaan yang selesai mengikut jadual, Deposit Sekuriti akan dikembalikan. Pembiayaan yang diselesaikan lebih awal sebelum sampai tempohnya, Deposit Sekuriti akan dikira sebagai sebahagian dari bayaran ansuran pembiayaan.
- (2) Lembaga berkuasa menolak atau menghadkan permohonan sebarang pembiayaan dari sebarang anggota tanpa menyatakan sebab-sebab.
- (3) Lembaga dalam mesyuaratnya boleh meminda dan/atau menambah dan/atau mengurang syarat pembiayaan bagi memenuhi kehendak dari semasa ke semasa jika pada pendapat Lembaga syarat tersebut boleh memudaratkan aliran kewangan Koperasi ini.

1.3 PEMBIAYAAN KENDERAAN

Borang Permohonan Pembiayaan

1. Permohonan pembiayaan hendaklah dibuat melalui borang yang disediakan oleh Koperasi.

Kelayakan Meminjam

2. (1) Telah menjadi anggota tidak kurang daripada tiga tahun;
(2) Tidak mempunyai tanggungan sebagai peminjam atau penjamin;
(3) Telah mendapat izin daripada Ketua Jabatan; dan
(4) Umur kereta yang terpakai hendaklah tidak melebihi dari lima tahun.

Had Pembiayaan

3. Tidak melebihi RM20,000.00 atau 80% daripada harga nilai kenderaan mana yang kurang.

Kegunaan Pembiayaan

4. Membeli kenderaan untuk kegunaan persendirian.

Bayaran Perkhidmatan

5. Bayaran perkhidmatan 6% setahun dikira atas jumlah pembiayaan yang diluluskan. Di dalam mengira bayaran perkhidmatan pembiayaan sebahagian daripada sebulan akan dikira sebagai sebulan penuh.

Insurans Dan Cukai Jalan

6. Anggota-anggota yang telah diluluskan pembiayaan itu dikehendaki membuka akaun Deposit Tertentu bagi tujuan membayar Insurans dan Cukai Jalan, mengikut kadar yang ditetapkan oleh Lembaga. Insurans "Comprehensive" hendaklah diambil menerusi Koperasi.

Tempoh Bayaran

7. Tidak lebih daripada 48 bulan, atau tempoh perkhidmatannya berakhir mana satu yang tamat dahulu.

Jaminan

8. Pembiayaan bagi tujuan ini hendaklah dilindungi dengan jaminan kenderaan itu (collateral security) serta jaminan anggota-anggota. Jaminan kenderaan itu ialah dengan menamakan, Koperasi sebagai pemilik di dalam Kad Pendaftaran Kenderaan. Jaminan perseorangan mestilah tidak kurang dari dua orang anggota Koperasi yang mana kesemua mereka, peminjam dan penjamin hendaklah menampung satu pertiga bahagian bagi tiap-tiap seorang daripada jumlah pembiayaan itu.

Lain-lain Syarat Meminjam

9. (1) Syarat meminjam hendaklah dibaca bersesama dengan Aturan Am Pembiayaan.
(2) Lembaga dalam mesyuaratnya boleh meminda dan/atau menambah dan/atau mengurangkan syarat pembiayaan bagi memenuhi kehendak semasa dari masa ke semasa jika pada pendapat Lembaga syarat tersebut boleh memudaratkan aliran kewangan Koperasi ini.

1.4 PEMBIAYAAN MEMBELI TANAH PERTANIAN

Borang Permohonan Pembiayaan

1. Permohonan pembiayaan hendaklah dibuat melalui borang yang disediakan oleh Koperasi.

Kelayakan Meminjam

2. (1) Telah berkhidmat dalam jawatannya tidak kurang daripada 6 tahun dan telah menjadi anggota Koperasi tidak kurang daripada tiga tahun;
- (2) Jumlah yuran di Koperasi yang telah disimpan secara beransur-ansur mestilah sekurang-kurangnya sama dengan 8% daripada jumlah yang dipohon dan simpanan ini boleh dicagarkan untuk pembiayaan lain tertakluk kepada Undang-undang Kecil 19(1);
- (3) Tidak mempunyai tanggungan sebagai peminjam dan penjamin; dan
- (4) Pembiayaan di bawah aturan ini dibenarkan sekali sahaja.

Had Pembiayaan

3. (1) Tidak melebihi daripada RM25,000.00 atau nilai harta yang hendak dibeli yang mana satu yang kurang.
- (2) Bayaran premium Insurans Gadai Janji boleh diberi sebagai tambahan kepada pembiayaan.

Kegunaan Pembiayaan

4. Membeli tanah pertanian dalam Malaysia.

Bayaran Perkhidmatan Pembiayaan

5. Bayaran perkhidmatan 6% setahun dikira atas baki pembiayaan yang tinggal.

Tempoh Bayaran

6. Tidak melebihi 15 tahun atau tempoh perkhidmatannya berakhir yang mana satu tamat dahulu.

Penilaian

7. Harta yang hendak dibeli hendaklah dinilai terlebih dahulu oleh Panel Penilai Koperasi atau Penilai yang berdaftar.

Cagaran

8. (1) Harta yang dibeli hendaklah dicagarkan kepada Koperasi sebagai sandaran terhadap pembiayaan yang diluluskan.
(2) Surat gadaian akan disediakan oleh Panel Peguam Koperasi.

Insurans Gadai Janji

9. Anggota-anggota yang telah diluluskan pembiayaan di bawah aturan ini dikehendaki mengambil satu polisi Insurans Gadai Janji (Mortgage Protection Policy) menerusi Koperasi ini sebanyak jumlah pembiayaan yang diluluskan bagi menjamin pembiayaannya dibayar dengan jelas oleh Syarikat Insurans yang berkenaan apabila peminjam meninggal dunia. Bayaran premium Insurans Gadai Janji akan dijadikan pembiayaan tambahan, akan dicampur dengan jumlah pembiayaan yang diluluskan. Bayaran balik mengikut tempoh bayaran pembiayaan yang diluluskan.
10. Anggota-anggota yang mendapat kemudahan ini jika layak boleh dipertimbangkan kemudahan Aturan Pembiayaan 1.1 - Pembiayaan Persendirian.

Lain-lain Syarat Meminjam

11. Syarat meminjam hendaklah dibaca bersesama dengan Aturan Am Pembiayaan.
12. Lembaga dalam mesyuaratnya boleh meminda dan/atau menambah dan/atau mengurangkan syarat pembiayaan bagi memenuhi kehendak semasa dari masa ke semasa jika pada pendapat Lembaga syarat tersebut boleh memudaratkan aliran kewangan Koperasi ini.

1.5 PEMBIAYAAN MEMBELI TANAH DAN RUMAH

Borang Permohonan Pembiayaan

1. Permohonan pembiayaan hendaklah dibuat melalui borang yang disediakan oleh Koperasi.

Kelayakan Meminjam

2. (1) Jumlah yuran di Koperasi yang telah disimpan secara beransur-ansur mestilah sekurang-kurangnya sama 5% daripada pembiayaan yang dipohon dan simpanan ini tidaklah boleh dicagarkan untuk pembiayaan lain tertakluk kepada Undang-undang Kecil 19(1).
(2) Tidak mempunyai tanggungan sebagai peminjam dan penjamin.
(3) Pembiayaan di bawah aturan ini dibenarkan sekali sahaja.

Had Meminjam

3. (1) Tidak melebihi daripada RM60,000.00 atau 80% daripada harga nilai harta yang hendak dibeli yang mana satu kurang.
(2) Bayaran premium Insurans Gadai Janji boleh diberi sebagai tambahan kepada pembiayaan.

Kegunaan Pembiayaan

4. Membeli tanah untuk tapak rumah, tanah dan rumah atau mendirikan rumah di atas tanah sendiri.

Bayaran Perkhidmatan Pembiayaan

5. Bayaran perkhidmatan 6% setahun dikira di atas baki pembiayaan yang tinggal.

Tempoh Bayaran

6. Tidak melebihi 25 tahun atau tempoh perkhidmatannya berakhir mana satu yang tamat terdahulu.

Penilaian

7. Harta yang hendak dibeli dinilai terlebih dahulu oleh Panel Penilai Koperasi atau Penilai yang berdaftar, kecuali harta yang dibeli terus dari Pemaju Perumahan yang berdaftar.

Cagaran

8. (1) Harta yang hendak dibeli hendaklah dicagarkan kepada Koperasi sebagai cagaran terhadap pembiayaan yang diluluskan.
(2) Surat Gadaian akan disediakan oleh Panel Peguam Koperasi.

Insuran Gadai Janji

9. Anggota-anggota yang telah diluluskan pembiayaan di bawah aturan ini dikehendaki mengambil satu polisi Insurans Gadai Janji (Mortgage Protection Policy) menerusi Koperasi ini sebanyak jumlah pembiayaan yang diluluskan bagi menjamin pembiayaannya dibayar dengan jelas oleh Syarikat Insurans yang berkenaan apabila peminjam meninggal dunia. Bayaran premium Insurans Gadai Janji akan dijadikan pembiayaan tambahan, akan dicampur dengan jumlah pembiayaan yang diluluskan. Bayaran balik mengikut tempoh bayaran pembiayaan yang diluluskan.

Insuran Kebakaran

10. Apabila pembiayaan telah diluluskan sama ada kesemua atau sebahagian atas jaminan sebuah rumah, peminjam dikehendaki mengambil satu polisi Insuran Perlindungan Kebakaran Rumah menerusi Koperasi ini sebanyak harga tidak kurang daripada harga belian rumah tiap-tiap pembaharuan polisi juga hendaklah menerusi Koperasi ini berasaskan kepada nilai pasaran semasa.
11. Anggota-anggota yang mendapat kemudahan ini jika layak boleh dipertimbangkan kemudahan Aturan Pembiayaan 1.1 - Pembiayaan Persendirian.

Lain-lain Syarat Meminjam

12. Syarat meminjam hendaklah dibaca bersesama dengan Aturan Am Pembiayaan.
13. Lembaga dalam mesyuaratnya boleh meminda dan/atau menambah dan/atau mengurang syarat pembiayaan bagi memenuhi kehendak semasa dari masa ke semasa jika pada pendapat Lembaga syarat tersebut boleh memudaratkan aliran kewangan Koperasi ini.

1.6 PEMBIAYAAN MEMBELI KOMPUTER

Dimansuhkan Sepertimana Dipersetujui Dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-76 Tahun 2011.

1.7 ATURAN AM PEMBIAYAAN

Tanggungjawab Peminjam Dan Penjamin

1. Jumlah had tanggungan tiap-tiap anggota kepada Koperasi ini baik peminjam atau penjamin atau kedua-duanya sekali ialah sebanyak 12 bulan gaji pokok nya ditambah dengan jumlah yuran telah dibayar kecuali bagi tanggungan penjamin bagi pembiayaan di bawah Aturan Pembiayaan 1.3 - Pembiayaan Kenderaan, 1.4 - Pembiayaan Membeli Tanah Pertanian, 1.5 - Pembiayaan Membeli Tanah Dan Rumah dan 1.6 - Pembiayaan Komputer. Satu daftar akan disimpan menunjukkan banyaknya tanggungan sebarang anggota baik sebagai peminjam atau penjamin.

Tempoh Bayaran

2. (1) Anggota-anggota yang meminjam boleh menyelesaikan pembiayaannya pada bila-bila masa sebelum sampai tempohnya tertakluk kepada caj-caj pelangsaian daripada baki pembiayaan belum selesai yang ditetapkan.
- (2) Jumlah potongan bulanan terhadap ansuran pembiayaan dan lain-lain bagi sebarang anggota itu tidaklah boleh melebihi daripada **60% gaji bulanannya atau lain-lain had mengikut arahan Ketua Polis Negara dari masa ke semasa.**

Lulus Aturan AGM77

Penolakan Pembiayaan

3. Lembaga berkuasa menolak atau menghadkan permohonan sebarang pembiayaan dari sebarang anggota tanpa menyatakan sebab-sebab.

Pengakuan Peminjam Dan Penjamin

4. (1) Apabila sebarang anggota meminjam atau menjadi penjamin di atas suatu pembiayaan, maka hendaklah ia memastikan yang ia tidak menarik diri (berhenti) daripada menjadi anggota sehingga pembiayaan itu dibayar balik sepenuhnya.
- (2) Anggota-anggota hendaklah bersetuju yang gajinya akan dipotong oleh Pegawai yang membayar gajinya itu untuk segala ansuran hutang dan bayaran perkhidmatan di atas pembiayaannya juga hendaklah ia setuju menandatangani penyata gajinya itu seperti ia menerima gajinya yang penuh dan seolah-olahnya tidak dipotong gajinya.

Mendapatkan Balik Pembiayaan Dengan Serta Merta

5. Koperasi berhak menuntut balik serta merta pembiayaan yang telah diluluskan bersama-sama bayaran perkhidmatannya, tanpa menghiraukan syarat-syarat yang tertakluk terhadap pembiayaan itu atas hal-hal berikut:-
 - (a) Keanggotaan peminjam terhenti oleh sesuatu sebab;
 - (b) Sekiranya penjamin di atas sesuatu sebab tidak lagi berupaya untuk menyambung jaminan dan peminjam gagal menyediakan penjamin baru;
 - (c) Pembiayaan digunakan untuk tujuan lain daripada apa yang telah diluluskan;
 - (d) Sekiranya peminjam tidak membayar tiga bulan berturut-turut ansuran pembiayaan;
 - (e) Sebarang anggota yang akan bersara daripada jawatan yang masih berhutang kepada Koperasi, maka baki hutangnya itu boleh diselaraskan dengan modal yurannya.

Menuntut Pembiayaan Yang Telah Lampau Tempohnya

6. Lembaga hendaklah menuntut balik wang-wang pembiayaan ataupun bayaran perkhidmatan yang telah lampau masanya lebih dari dua bulan daripada penjamin-penjamin, atau jika surat cagaran atau gadaian hendaklah dijalankan mengikut kuatkuasa undang-undang. Jika peminjam dan penjamin tidak mengganti wang-wang itu atau tidak menunaikan ansuran-ansuran hutang itu dalam masa satu bulan dari tarikh tuntutan, Lembaga hendaklah mengemukakan perkara ini kepada Ketua Pendaftar tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan-peraturan.

Memeriksa Harta Dan Perbelanjaan-perbelanjaan

7. (1) Lembaga boleh melantik Arkitek berdaftar atau seorang Pegawai memeriksa antara tiga tahun sekali tiap-tiap harta yang termasuk dalam cagaran atau gadaian sehingga harta itu ditebus semula serta membuat suatu laporan berkenaan dengan harta itu dan yang bersangkutan dengannya kepada Lembaga yang akan menyampaikan laporan itu kepada Yang Dipertua atau Timbalan Yang Dipertua. Segala perbelanjaan yang telah diperbuat berkenaan ini hendaklah dibayar oleh sipeminjam. Sekiranya laporan itu memerlukan satu-satu tindakan diambil, Lembaga akan mengarahkan pembiayaan itu ditutup atau mengambil apa-apa langkah yang difikirkan mustahak bagi kepentingan Koperasi.

- (2) Segala perbelanjaan yang bersangkutan dengan pembiayaan membeli harta-harta melalui Koperasi adalah ditanggung oleh sipeminjam.

Kuasa Lembaga

8. Lembaga dalam mesyuaratnya boleh meminda dan/atau menambah dan/atau mengurang syarat Aturan Pembiayaan Jangka Panjang dan Jangka Pendek bagi memenuhi kehendak semasa dari masa ke semasa jika pada pendapat Lembaga syarat tersebut boleh memudaratkan aliran kewangan Koperasi ini.

Deposit Sekuriti

9. Pembiayaan yang selesai mengikut Jadual Deposit Sekuriti akan dikembalikan. Pembiayaan yang diselesaikan lebih awal sebelum sampai tempohnya, Deposit Sekuriti akan dikira sebagai sebahagian dari bayaran ansuran pembiayaan.

1.8 PEMBIAYAAN PREMIUM INSURAN

Dimansuhkan Sepertimana Dipersetujui Dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-76 Tahun 2011.

1.9 PEMBIAYAAN KENDERAAN ANGGOTA LEMBAGA

Borang Permohonan Pembiayaan

1. Borang pembiayaan hendaklah dibuat melalui borang khas yang disediakan oleh Koperasi.

Kelayakan Meminjam

2. (1) Telah dilantik/dipilih menjadi Anggota Lembaga;
(2) Telah menjadi anggota tidak kurang daripada tiga (3) tahun;
(3) Tidak mempunyai tanggungan sebagai peminjam atau penjamin;
(4) Telah mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatan;
(5) Umur kereta yang terpakai hendaklah tidak melebihi lima (5) tahun.

Had Pembiayaan

3. Tidak melebihi empat puluh ribu ringgit atau nilai kenderaan yang mana kurang.

Kegunaan Pembiayaan

4. Membeli kenderaan untuk kegunaan persendirian.

Upah Perkhidmatan

5. Upah perkhidmatan 4% setahun dikira atas jumlah pembiayaan yang diluluskan.

Insuran dan Cukai Jalan

6. Anggota Lembaga yang telah diluluskan pembiayaan itu dikehendaki membuka akaun deposit bagi tujuan membayar insurans dan cukai jalan mengikut kadar yang ditetapkan oleh Lembaga. Insurans "Comprehensive" hendaklah diambil menerusi Koperasi.

Tempoh Bayaran

7. Tidak lebih daripada 36 bulan atau tempoh perkhidmatannya berakhir mana satu yang terdahulu atau tempoh menjadi Anggota Lembaga.

Jaminan

8. Pembiayaan bagi tujuan ini hendaklah dilindungi dengan jaminan kenderaan itu (collateral security). Jaminan kenderaan itu ialah dengan dicatitkan oleh hak milik tuntutan Koperasi sebagai pemilik di dalam kad pengenalan (pendaftaran) kenderaan.

Menuntut Balik Baki Pembiayaan

9. (1) Koperasi boleh mendakwa dan menuntut balik pembiayaan daripada Anggota Lembaga yang meletakkan jawatannya atau ditamatkan perkhidmatannya sebelum had umur 55 tahun.
- (2) Anggota Lembaga yang telah tidak terpilih/dilantik semula maka baki hutang tersebut akan ditolak dari saguhati tahunan, jika ada. Sekiranya masih berbaki maka pembiayaan tersebut akan dijelaskan dengan serta merta.

Lain-lain Syarat Meminjam

10. Lembaga dalam mesyuaratnya boleh meminda dan/atau menambah dan/atau mengurangkan syarat pembiayaan bagi memenuhi kehendak semasa dari masa ke semasa jika pada pendapat Lembaga syarat tersebut boleh memudaratkan aliran kewangan Koperasi ini.

1.10 PEMBIAYAAN KONSUMER

Borang Permohonan Pembiayaan

1. Permohonan pembiayaan ini hendaklah dibuat melalui borang yang disediakan oleh Koperasi ini.

Kelayakan Meminjam

2. (1) **Anggota baru Koperasi layak memohon pembiayaan Pembiayaan Tanpa Penjamin apabila telah menjelaskan sekurang-kurangnya satu (1) bulan caruman yuran keanggotaan menerusi potongan gaji;**
(2) **- Dimansuhkan - ;**
(3) Menyertai Skim Insurans Perlindungan Berkelompok dan Keahlian Skim Insurans Perlindungan Berkelompok hendaklah diteruskan sehingga pembiayaan selesai dijelaskan.
(4) **Telah menjelaskan sepenuhnya harga 200 unit syer sama ada secara tunai/ansuran atau ditokok atas jumlah pembiayaan.**

Lulus
Aturan
AGM83

Lulus
Aturan
AGM8

Aturan
Baru
AGM83

Had Pembiayaan

3. (1) Had maksimum pembiayaan ialah **tidak melebihi RM50,000.00**
(2) **(Klausa 2 dimansuhkan)**

Kegunaan Pembiayaan

4. (1) Pembiayaan akan diberi bagi tujuan membiayai pembelian barangan/perkhidmatan pengguna.
(2) Pengeluaran pembiayaan akan dibayar melalui cek mengikut sebut harga atas mana-mana nama syarikat pembekal yang dipilih oleh anggota. Cek diserahkan/pos kepada anggota yang memohon atau kepada syarikat pembekal yang dilantik oleh Koperasi.
(3) Anggota Lembaga berhak untuk menolak permohonan bagi kategori produk/perkhidmatan tertentu dari semasa ke semasa bertujuan menjaga kepentingan Koperasi dan syarikat kumpulannya.

Bayaran Perkhidmatan Pembiayaan Dan Lain-lain Caj

5. (1) Bayaran perkhidmatan atau disebut keuntungan pembiayaan akan dikenakan ke atas jumlah pembiayaan dengan kadar yang akan ditentukan dari semasa ke semasa tertakluk kepada kos kewangan yang ditanggung oleh Koperasi untuk operasi Pembiayaan Konsumer.
- (2) Bayaran Tabung Pembiayaan dikenakan sebanyak **1% atas jumlah belian RM20,000.00 dan ke bawah manakala 2% bagi jumlah belian melebihi RM20,000.00. Bayaran Tabung Pembiayaan ini ditokok ke atas jumlah pembelian.**
- (3) Yuran proses dikenakan pada satu jumlah munasabah dan akan ditentukan dari semasa ke semasa. Yuran proses ini ditokok ke atas jumlah pembiayaan.
- (4) Bayaran caj pelangsaian pembiayaan dikenakan sebanyak 1.5 peratus (1.5%) daripada baki pembiayaan **sebenar atau harga jualan tertanggung setelah ditolak rebat. Caj ini dikecualikan bagi pembiayaan berlipat yang dikeluarkan oleh koperasi ini.**

Lulus
Aturan
AGM79

Lulus
Aturan
AGM77

Tempoh Bayaran

6. (1) Bayaran pembiayaan sehingga RM7,000.00, tempoh bayaran balik yang dibenarkan samada 12, 24 atau 36 bulan dan tertakluk kepada tempoh tamat perkhidmatan anggota yang mana tamat dahulu.
- (2) **Pembiayaan melebihi RM7,000.00 hingga RM10,000.00**, tempoh bayaran balik yang dibenarkan samada 12, 24, 36, 48 atau 60 bulan tertakluk kepada tempoh tamat perkhidmatan anggota yang mana tamat dahulu.
- (3) **Pembiayaan melebihi RM10,000.00, tempoh bayaran balik yang dibenarkan samada 12, 24, 36, 48, 60, 72, 84, 96, 108 atau 120 bulan tertakluk kepada tempoh tamat perkhidmatan anggota yang mana tamat dahulu.**
- (4) Anggota-anggota yang meminjam boleh menyelesaikan pembiayaannya pada bila-bila masa sebelum sampai tempohnya tertakluk kepada caj-caj pelangsaian daripada baki pembiayaan belum selesai yang ditetapkan.
- (5) Jumlah potongan bulanan terhadap ansuran pembiayaan dan lain-lain **potongan bagi anggota itu tidaklah boleh melebihi daripada 60% gaji bulanannya atau lain-lain had mengikut arahan Ketua Polis Negara dari masa ke semasa.**

Lulus
Aturan
AGM79

Lulus
Aturan
AGM79

Lulus
Aturan
AGM77

Menuntut Balik Baki Pembiayaan

7. (1) Ansuran pembiayaan termasuk bayaran perkhidmatan hendaklah dibayar melalui potongan gaji.
- (2) Peminjam yang meninggal dunia, baki pembiayaan akan ditolak dari Wang Tabung Pinjaman.
- (3) Peminjam yang diberhentikan kerja, ditamatkan perkhidmatan, bankrap dan lain-lain, baki pembiayaan akan ditolak dari Modal Yuran, Modal Syer dan jika masih berbaki akan dituntut dari peminjam.
- (4) Koperasi berhak menuntut balik serta merta pembiayaan yang telah diluluskan bersama-sama bayaran perkhidmatannya, tanpa menghiraukan syarat-syarat yang tertakluk terhadap pembiayaan itu atas hal-hal berikut:
 - (a) Keanggotaan peminjam terhenti oleh sesuatu sebab;
 - (b) Pembiayaan digunakan untuk tujuan lain daripada apa yang telah diluluskan;
 - (c) Sekiranya peminjam tidak membayar tiga bulan berturut-turut ansuran pembiayaan;
 - (d) Sebarang anggota yang akan bersara daripada jawatan yang masih behutang kepada Koperasi, maka baki hutangnya itu boleh diselaraskan dengan Modal Yurannya.
- (5) Lembaga hendaklah menuntut balik wang-wang pembiayaan ataupun bayaran perkhidmatan yang telah lampau masanya lebih dari dua bulan daripada peminjam. Jika peminjam tidak mengganti wang-wang itu atau tidak menunaikan ansuran-ansuran hutang itu dalam masa satu bulan dari tarikh tuntutan, Lembaga hendaklah mengemukakan perkara ini kepada Ketua Pendaftar tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan-Peraturan.

Akujanji / Jaminan

8. (1) Peminjam hendaklah menandatangani perjanjian pembiayaan yang disediakan.
- (2) Apabila sebarang anggota meminjam, maka hendaklah ia memastikan yang ia tidak menarik diri (berhenti) daripada menjadi anggota sehingga pembiayaan itu dibayar balik sepenuhnya.

- (3) Anggota-anggota hendaklah bersetuju yang gajinya akan dipotong oleh Pegawai yang membayar gajinya itu untuk segala ansuran hutang dan bayaran perkhidmatan di atas pembiayaannya juga hendaklah ia bersetuju menandatangani penyata gajinya itu seperti ia menerima gajinya yang penuh dan seolah-olahnya tidak dipotong gajinya.

Lain-lain Syarat Meminjam

9. (1) Lain-lain syarat meminjam adalah sebagaimana yang digariskan dalam Perjanjian Pembiayaan Konsumer Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad.
- (2) Lembaga berkuasa menolak atau menghadkan permohonan sebarang pembiayaan dari sebarang anggota tanpa menyatakan sebab-sebab.
- (3) Lembaga dalam mesyuaratnya boleh meminda dan/atau menambah dan/atau mengurang syarat pembiayaan bagi memenuhi kehendak dari semasa ke semasa jika pada pendapat Lembaga syarat tersebut boleh memudaratkan aliran kewangan Koperasi ini.

1.11 PEMBIAYAAN PERMULAAN KEPADA REKRUT & INSPEKTOR PERCUBAAN

Dimansuhkan Sepertimana Dipersetujui Dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-76 Tahun 2011.

1.12 PEMBIAYAAN PELAJARAN BELAJAR DI KOLEJ UNIKOP

Borang Permohonan Pembiayaan

1. Permohonan pembiayaan ini hendaklah dibuat dalam borang yang disediakan oleh Koperasi.

Kelayakan Pembiayaan

2. (1) Anggota/Anak Anggota yang mendaftar masuk di Kolej UNIKOP.
(2) Pembiayaan dikeluarkan selepas Borang Permohonan diisi dengan lengkap semasa pendaftaran termasuk mengemukakan Surat Pengesahan Kemasukan dari Kolej UNIKOP.
(3) Untuk Kursus Diploma Criminology & Criminal Justice (Kelolaan Program E-Learning), hanya anggota PDRM yang juga Anggota KPD sahaja yang layak memohon.

Had Pembiayaan

3. (1) Jumlah pembiayaan RM1,000.00 untuk tempoh pengajian satu (1) tahun.
(2) Tambahan pembiayaan sebanyak RM1,000.00 untuk setiap tahun boleh dipertimbangkan sehingga pengajian tamat tertakluk kepada maksima tiga (3) tahun.
(3) Untuk Kursus Diploma Criminology & Criminal Justice (Kelolaan Program E-Learning), jumlah pembiayaan adalah sebanyak RM3,600.00 untuk setiap Anggota yang layak.

Kegunaan Pembiayaan

4. Membantu Anggota dan Anak Anggota yang ingin melanjutkan pelajaran di Kolej UNIKOP sahaja.

Bayaran Perkhidmatan

5. (1) Bayaran perkhidmatan 6% setahun dikira di atas jumlah pembiayaan yang diluluskan dan dikenakan mulai potongan pembiayaan bermula.

- (2) Bagi Anggota yang mengikuti Kursus Diploma Criminology & Criminal Justice (Kelolaan Program E-Learning), bayaran perkhidmatan 6% setahun akan dikenakan mulai pembiayaan dikeluarkan.

Tempoh Bayaran Balik

6. (1) Ansuran potongan pembiayaan akan bermula selepas tamat tiga (3) tahun tempoh pengajian.
- (2) Bayaran balik pembiayaan serta bayaran perkhidmatan hendaklah dibayar sebelum tempoh perkhidmatan Anggota (Peminjam) berakhir.
- (3) Tempoh bayaran balik bagi Anggota yang mengikuti Kursus Diploma Criminology & Criminal Justice (Kelolaan Program E-Learning) di Kolej UNIKOP adalah tiga (3) tahun atau tempoh perkhidmatan berakhir yang mana dahulu dan bayaran balik adalah melalui potongan gaji selepas pembiayaan diperolehi.

Menuntut Balik Baki Pembiayaan

7. (1) Peminjam yang meninggal dunia sekiranya mempunyai baki pembiayaan tertunggak akan diselaraskan dari Modal Yuran dan Modal Saham dan bakinya dituntut daripada Pelajar.
- (2) Peminjam yang ditamatkan perkhidmatan, bangkrap atau tidak berkhidmat dalam Jabatan Polis dan lain-lain, baki pembiayaan akan ditolak dari Modal Yuran, Modal Saham dan bakinya dituntut mengikut proses yang sediaada.
- (3) Koperasi boleh mendakwa dan menuntut balik baki pembiayaan daripada Peminjam yang meletakkan jawatannya atau menamatkan perkhidmatannya sebelum mencapai had umur 55 tahun atau had umur bersara yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dari masa ke semasa selaras dengan Peruntukan Undang-Undang.

Surat Jaminan Pembiayaan

8. Peminjam dan pelajar dikehendaki menandatangani Surat Jaminan Pembiayaan yang disediakan oleh Koperasi ini.

Lain-lain Syarat Meminjam

9. Lembaga dalam mesyuaratnya boleh meminda dan/atau menambah dan/atau mengurang syarat pembiayaan bagi memenuhi kehendak dari masa ke semasa jika pada pendapat Anggota Lembaga syarat tersebut boleh memudaratkan aliran kewangan Koperasi ini.

1.13 PEMBIAYAAN SUBSIDIARI KPDRM

Permohonan Pembiayaan

1. Setiap permohonan untuk pembiayaan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Koperasi ini oleh subsidiari berkenaan.

Aturan Baru AGM81

Kelayakan Meminjam

2. (1) Memperolehi surat tawaran/kontrak daripada pihak ketiga untuk menjalankan aktiviti subsidiari terbabit.
(2) Akaun subsidiari tidak menunjukkan kerugian yang ketara.

Had Pembiayaan

3. Tidak melebihi jumlah yang dicadangkan oleh Bahagian Pelaburan dan Bahagian Kewangan KPD.

Kegunaan Pembiayaan

4. (1) Untuk menampung perbelanjaan kos projek yang sediada atau yang akan dimulakan.
(2) Untuk membeli aset tetap (Laporan penilaian daripada badan penilaian professional perlulah disertakan.)
(3) Pelaburan yang bersifat spekulatif tidak benar.

Bayaran Perkhidmatan

5. Bayaran perkhidmatan ke atas pembiayaan akan ditetapkan oleh Anggota Lembaga berdasarkan "*case to case*".

Tempoh Bayaran

6. Tempoh maksimum bayar balik ialah 120 bulan atau mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Anggota Lembaga berdasarkan "*case to case*".

Menuntut Balik Baki Pembiayaan

7. Koperasi berhak menuntut balik serta merta pembiayaan yang telah diluluskan bersama-sama bayaran perkhidmatannya, tanpa menghiraukan syarat-syarat yang tertakluk terhadap pembiayaan itu atas hal-hal berikut:-
 - (a) Projek subsidiari yang dibiayai oleh pembiayaan koperasi di hentikan/ditarik balik oleh pihak ketiga.
 - (b) Pembiayaan digunakan untuk tujuan lain daripada apa yang telah diluluskan.

Lain-lain Syarat Meminjam

8. (1) Lembaga dalam mesyuaratnya boleh meminda dan/atau menambah dan/atau mengurangkan syarat pembiayaan bagi memenuhi kehendak semasa dari masa ke semasa jika pada pendapat Lembaga syarat tersebut boleh memudaratkan aliran kewangan Koperasi ini.
- (2) Semua pembiayaan subsidiari adalah tertakluk kepada Seksyen 54, Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan, Garis panduan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dari masa ke semasa.

1.14 PEMBIAYAAN PERSENDIRIAN – ASB

Borang Permohonan Pembiayaan

Aturan
Baru
AGM83

1. Permohonan pembiayaan ini hendaklah dibuat melalui borang khas yang disediakan oleh Koperasi ini.

Kelayakkan Meminjam

2. (1) Telah mendaftar sebagai anggota Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad DAN telah menjelaskan sekurang-kurangnya satu (1) bulan caruman yuran keanggotaan menerusi potongan gaji bulanan;
- (2) Telah menjelaskan sepenuhnya harga 200 unit syer sama ada secara tunai/ansuran;
- (3) Caruman modal yuran mestilah sekurang-kurangnya RM50.00 sebulan;
- (4) Menyertai Skim Insurans Berkelompok dan Keahlian Skim Insurans Perlindungan Berkelompok hendaklah diteruskan sehingga pembiayaan selesai dijelaskan;
- (5) Pembiayaan baru bagi pembiayaan ini adalah dibenarkan tertakluk kepada potongan gaji tidak melebihi enam puluh peratus (60%) daripada gaji (gaji pokok dan elaun-elaun tetap);
- (6) Pembiayaan bertindih atas pembiayaan ini setelah diluluskan dan dibayar adalah **TIDAK** dibenarkan sehinggalah tamat tempoh lima (5) tahun (60 bulan);
- (7) Anggota yang telah bersara dan anggota yang digantung kerja tidak berhak meminjam di bawah aturan ini. Permohonan pembiayaan hanya akan dipertimbangkan selepas anggota bebas dari tindakan dan telah diambil bekerja semula. Pengesahan daripada Ketua Jabatan adalah diperlukan;
- (8) Anggota-anggota yang mendapat kemudahan ini adalah layak untuk mendapatkan kemudahan Pembiayaan KPDRM yang ditawarkan di bawah Aturan Pembiayaan tertakluk kepada potongan gaji tidak melebihi enam puluh peratus (60%) daripada gaji (gaji pokok dan elaun-elaun tetap) serta Perenggan 2(5) di atas.

Had Pembiayaan

3. (1) Jumlah pembiayaan adalah **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Lima Ratus (RM10,500.00)** sahaja.
- (2) Had maksima jumlah terhutang adalah tertakluk dan terhad kepada RM150,000.00 secara keseluruhan.

Kegunaan Pembiayaan

4. Pembiayaan akan hanya diberi untuk kegunaan menyertai Skim Pembiayaan Persendirian KPDRM - ASB sahaja.

Bayaran Perkhidmatan Pembiayaan Dan Lain-lain Caj

5. (1) Bayaran perkhidmatan atau disebut keuntungan pembiayaan akan dikenakan ke atas jumlah pembiayaan pada kadar **4.99%** setahun kadar "flat".
- (2) Bayaran Tabung Pembiayaan dikenakan sebanyak satu peratus (1%) atas jumlah pembiayaan adalah **DIKECUALIKAN** dan tidak diperuntukan bagi pembiayaan ini.
- (3) Bayaran Yuran Pemprosesan dikenakan sebanyak **RM50.00** bagi setiap pembiayaan.
- (4) Bayaran caj pelangsaian pembiayaan dikenakan sebanyak 1.5 peratus (1.5%) daripada baki pembiayaan sebenar atau harga jualan tertanggung **TANPA** ditolak rebat. Caj ini juga tidak dikecualikan bagi pembiayaan berlipat yang dikeluarkan oleh Koperasi ini setelah mendapat kelulusan Anggota Lembaga.

Tempoh Bayaran

6. (1) Tempoh maksimum bayar balik ialah **enam puluh (60) bulan DAN** peminjam bersetuju untuk meneruskan caruman bulanan bagi tempoh enam puluh (60) bulan lagi yang akan dikreditkan dalam akaun simpanan anggota di Bank Muamalat.
- (2) Bagi pembiayaan yang melangkaui umur anggota 50 tahun, perlulah mengemukakan surat opsyen yang mana tarikh persaraan adalah melebihi lima (5) tahun tempoh dari mula potongan pertama serta tertakluk kepada aturan di Perenggan 6 (1).
- (3) Jumlah potongan bulanan terhadap ansuran pembiayaan dan lain-lain bagi sebarang anggota itu tidaklah boleh melebihi daripada 60% gaji bulanannya atau lain-lain had mengikut arahan Ketua Polis Negara dari semasa ke semasa.

1.15 PEMBIAYAAN EKSPRES / MUDAH

Borang Permohonan Pembiayaan

1. Permohonan pembiayaan ini hendaklah dibuat melalui borang yang disediakan oleh Koperasi ini.

Kelayakan Pembiayaan

2. (1) Merupakan Anggota Koperasi yang menjelaskan caruman yuran bulanan keanggotaan menerusi potongan gaji;
- (2) Telah menjelaskan sepenuhnya harga 200 unit syer;
- (3) Mempunyai modal yuran terkumpul tidak kurang dari RM1,000.00 bagi pemohon pembiayaan ini sebanyak RM1,000.00 atau mempunyai modal yuran terkumpul tidak kurang dari RM2,000.00 bagi pemohon pembiayaan sebanyak RM2,000.00;
- (4) Caruman modal yuran mestilah sekurang-kurangnya RM50.00 sebulan;
- (5) Menyertai Skim Takaful Berkelompok, Keahlian Skim Takaful Perlindungan Berkelompok hendaklah diteruskan sehingga pembiayaan selesai dijelaskan;
- (6) Pembiayaan bertindih adalah dibenarkan tertakluk kepada potongan gaji tidak melebihi enam puluh peratus (60%) daripada gaji (gaji pokok dan elaun-elaun tetap);
- (7) Anggota yang telah bersara dan anggota yang digantung kerja tidak berhak memohon di bawah aturan ini. Permohonan pembiayaan hanya akan dipertimbangkan selepas anggota bebas dari tindakan dan telah diambil bekerja semula. Pengesahan daripada Ketua Jabatan adalah diperlukan;
- (8) Anggota-anggota yang mendapat kemudahan ini adalah layak untuk mendapatkan kemudahan mana-mana pembiayaan di bawah Aturan Pembiayaan Koperasi tertakluk kepada potongan gaji tidak melebihi enam puluh peratus (60%) daripada gaji (gaji pokok dan elaun-elaun tetap);

Had Pembiayaan

3. Had pembiayaan adalah RM2,000.00 sahaja.

Kegunaan Pembiayaan

4. Pembiayaan akan hanya diberi untuk kegunaan yang patut dan munasabah sepertimana tempoh ditawarkan sahaja.

Bayaran Perkhidmatan Pembiayaan Dan Lain-Lain Caj

5. (1) Bayaran perkhidmatan atau keuntungan pembiayaan akan dikenakan ke atas jumlah pembiayaan pada kadar tidak melebihi enam peratus (6%) setahun kadar “flat”.
- (2) Bayaran Tabung Pembiayaan dikenakan sebanyak satu peratus (1%) atas jumlah pembiayaan. Bayaran Tabung Pembiayaan ini ditolak dari modal yuran terkumpul anggota.
- (3) Bayaran Yuran Pemprosesan dikenakan sebanyak RM50.00 bagi setiap pembiayaan. Bayaran Yuran Pemprosesan ini ditolak dari modal yuran terkumpul anggota.
- (4) bayaran caj pelangsaian pembiayaan dikenakan sebanyak satu persepuluh lima peratus (1.5%) daripada baki pembiayaan sebenar atau harga jualan tertanggung setelah ditolak rebat. Caj ini dikecualikan bagi pembiayaan bertindih yang dikeluarkan oleh Koperasi ini.

Tempoh Bayaran

6. (1) tempoh maksimum bayaran ansuran ialah 12 bulan atau tempoh tamat perkhidmatan anggota yang meminjam, yang mana terdahulu.
- (2) jumlah potongan bulanan terhadap ansuran pembiayaan dan lain-lain bagi sebarang anggota itu tidaklah boleh melebihi enam puluh peratus (60%) gaji bulanannya atau lain-lain had mengikut arahan Ketua Polis Negara dari semasa ke semasa.

Menuntut Balik Baki Pembiayaan

7. (1) Peminjam yang meninggal dunia sekiranya mempunyai baki pembiayaan tertunggak selepas diselaraskan dari Modal Yuran dan Modal Syer, akan dituntut dari Wang Tabung Pinjaman.
- (2) Peminjam yang diberhentikan kerja, dibuang kerja, ditamatkan perkhidmatan atau bankrap, baki pembiayaannya akan dituntut mengikut proses sedia ada.

(3) Koperasi boleh mendakwa dan menuntut balik baki pembiayaan daripada peminjam yang meletakkan jawatannya atau menamatkan perkhidmatannya sebelum mencapai had umur 55 tahun atau had umur bersara yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

(4) Koperasi berhak menuntut balik serta merta pembiayaan yang telah diluluskan bersama-sama bayaran perkhidmatannya, tanpa menghiraukan syarat-syarat yang tertakluk kepada pembiayaan itu atas hal-hal berikut:-

- (a) Keanggotaan peminjam terhenti oleh sesuatu sebab;
- (b) Pembiayaan digunakan untuk tujuan lain daripada apa yang telah diluluskan;
- (c) Sekiranya peminjam tidak membayar tiga bulan berturut-turut bayaran ansuran pembiayaan;
- (d) Sebarang anggota yang akan bersara daripada jawatan yang masih berhutang kepada Koperasi, maka baki hutangnya itu boleh diselaraskan dengan modal yurannya.

(5) Lembaga hendaklah menuntut balik wang-wang pembiayaan ataupun bayaran perkhidmatan yang telah lampau masanya lebih dari dua bulan daripada peminjam. Jika peminjam tidak mengganti wang-wang itu atau tidak membayar bayaran ansuran-ansuran hutang itu dalam masa satu bulan dari tarikh tuntutan, Lembaga hendaklah mengemukakan perkara ini kepada Ketua Pendaftaran tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan-Peraturan.

Akujanji / Jaminan

8. (1) Peminjam hendaklah menandatangani perjanjian pembiayaan yang disediakan.
- (2) Apabila sebarang anggota membuat pembiayaan, maka hendaklah ia memastikan yang ia tidak menarik diri (berhenti) daripada menjadi anggota sehingga peminjam itu dibayar sepenuhnya.
- (3) Anggota-anggota hendaklah bersetuju yang gajinya akan dipotong oleh pegawai yang membayar gajinya itu untuk segala ansuran hutang dan bayaran perkhidmatan diatas pembiayaannya juga hendaklah ia setuju menandatangani penyata gajinya itu seperti ia menerima gajinya yang penuh dan seolah-olahnya tidak dipotong gajinya.

Lain-lain Syarat Pembiayaan

9. (1) Lembaga berkuasa menolak atau menhadkan permohonan sebarang pembiayaan dari sebarang anggota tanpa menyatakan sebab-sebab.

- (2) Lembaga dalam mesyuaratnya boleh meminda dan/atau menambah dan/atau mengurang syarat pembiayaan bagi memenuhi kehendak dari semasa ke semasa jika pada pendapat Lembaga syarat tersebut boleh memudaratkan aliran kewangan Koperasi ini.

2. ATURAN WANG SIMPANAN KHAS DAN PENGELUARANNYA

Jumlah Caruman

1. (1) Jumlah caruman Wang Simpanan Khas itu hendaklah tidak kurang daripada RM10.00 sebulan.
- (2) Jumlah caruman tidaklah boleh diubah-ubah lebih daripada dua kali setahun.

Keuntungan Di Atas Wang Simpanan Khas

2. Pulangan diatas wang simpanan khas ini akan diberi kepada anggota yang telah menyimpan tidak kurang daripada RM100.00. Pulangan ini dikira berasaskan baki minima bulan dari Januari hingga Disember dan akan dikreditkan ke dalam Wang Simpanan Khas pada 31hb Disember. Kadar pulangan diatas Wang Simpanan Khas ini mengikut pertimbangan Lembaga.
3. Pengeluaran wang simpanan ini hendaklah dibuat secara permohonan bertulis dengan memberi notis sekurang-kurangnya tujuh hari terdahulu. Pengeluaran hanya dibenarkan sekali dalam tiga bulan kecuali atas sebab-sebab yang khas yang diluluskan oleh Lembaga.

3. ATURAN BANTUAN PELAJARAN

➤ BANTUAN PELAJARAN TINGGI

Pemilihan Jurusan

1. Anggota Lembaga boleh menimbangkan Bantuan Pelajaran Tinggi kepada pelajar-pelajar yang ingin ke Universiti, Institusi Pengajian Tinggi di dalam atau di luar negeri yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia di dalam jurusan yang ditentukan oleh Lembaga dari masa ke semasa dengan tidak melebihi daripada peruntukan yang diluluskan kepada Tabung Bantuan Pelajaran Tinggi oleh Mesyuarat Agung Perwakilan.

Kelayakan Memohon

2. (1) Bantuan ini dibuka kepada anggota-anggota dan anak-anak anggota yang telah menjadi anggota Koperasi ini selama lima tahun berturut-turut. Bagi mana-mana bekas anggota yang menjadi anggota semula ia mestilah telah menjadi anggota selama tiga tahun berturut-turut. Bantuan ini juga diberi kepada anak-anak bekas anggota yang telah menjadi anggota Koperasi tidak kurang daripada lima tahun berturut-turut dan keanggotaannya terhenti kerana meninggal dunia atau terhenti menjadi anggota kerana bersara.
- (2) Bantuan akan diberi kepada anggota-anggota atau anak-anak anggota dan anak-anak bekas anggota (bersara) yang memenuhi syarat kelayakan termasuk yang telah mendapat bantuan, biasiswa atau pembiayaan dari Badan Swasta atau Agensi Kerajaan.

Jumlah Bantuan

3. (1) Jumlah bantuan yang akan diberi adalah menurut budibicara Lembaga yang tidak melebihi RM700.00 untuk tempoh satu tahun bagi pelajar di Kolej atau Institusi Pengajian Tinggi di dalam dan luar negeri. Bantuan bagi tahun seterusnya akan ditimbang sekiranya mereka membuat permohonan baru dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- (2) Anggota yang mengikuti pengajian separuh masa layak menerima bantuan pada tahun akhir pengajian sahaja.

Syarat Bantuan

4. (1) Keselamatan diri pelajar dibawah bantuan ini adalah tanggungan mereka sendiri.
- (2) Lembaga berkuasa menarik balik bantuan tanpa memberi sebarang sebab.

➤ BANTUAN PELAJARAN RENDAH

Kelayakan Memohon

5. (1) Bantuan ini diberikan kepada anak-anak anggota dimana ibu atau bapanya telah menjadi anggota tidak kurang dari lima tahun berturut-turut dan tiga tahun berturut-turut bagi bekas anggota yang menjadi anggota semula. Bantuan ini juga diberi kepada anak-anak bekas anggota yang telah menjadi anggota tidak kurang dari lima tahun berturut-turut yang terhenti menjadi anggota kerana meninggal dunia ataupun berhenti menjadi anggota kerana bersara.
- (2) Bantuan ini diberikan kepada pelajar yang mencapai kejayaan di sekolah-sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan yang lulus:-
 - (a) UPSR
 - (b) PT3
 - (c) SPM
 - (d) STPM/STAM atau
 - (e) Tingkatan yang setaraf menurut budibicara Lembaga.

Jumlah Bantuan

6. Jumlah bantuan yang diberi akan ditetapkan oleh Lembaga mengikut peruntukan yang tertentu.

4. ATURAN BANTUAN KEMATIAN

Tujuan

1. Tujuan aturan ini ialah bagi membolehkan Koperasi memberi bantuan kepada keluarga atas sebab-sebab sebarang anggota Koperasi meninggal dunia.

Sumber Kewangan

2. Sumber Kewangan Kumpulan Wang ini ialah :-
 - (a) Peruntukan sebanyak tidak lebih dari 10% daripada keuntungan bersih Koperasi setelah ditolak peruntukan Kumpulan Wang Rezab Berkanun;
 - (b) Segala perolehan atau pulangan daripada Wang Kumpulan Wang ini;
 - (c) Derma atau pemberian; dan
 - (d) Jika berlaku kekurangan kepada Kumpulan Wang ini Lembaga bolehlah meminjam daripada peruntukan kewangan Koperasi bagi menampung kekurangan yang diperlukan.

Cara Bayaran Dan Kadarnya

3. Kumpulan Wang ini akan digunakan untuk “belanja pengkebumian” bagi anggota yang meninggal dunia. Pengertian keluarga dalam perkara ini bermaksud :-
 - (a) Jika bujang - Kepada ibu atau bapa; dan
 - (b) Jika Berkahwin - Kepada isteri atau suami; dan
 - (c) Jika duda - Kepada salah seorang anak, jika tidak mempunyai anak kepada ibu atau bapa atau waris yang difikirkan layak menerima oleh Lembaga; dan
 - (d) Jika balu - Kepada salah seorang anak, jika tiada anak kepada ibu atau waris yang difikirkan layak menerima oleh Lembaga; dan

Jika seseorang anggota itu tiada mempunyai keluarga seperti yang tersebut diatas, maka Koperasi boleh memberi kepada sesiapa yang difikirkan layak menerimanya.

Pentadbiran

4. Kumpulan wang ini hendaklah ditadbirkan oleh Lembaga tertakluk kepada aturan-aturan ini.

Cara Mendapatkan Bantuan

5. Setiap anggota yang meninggal dunia dengan apa sebab sekalipun, keluarganya akan diberikan bantuan sebanyak RM1,000.00 sahaja.
6. (1) Bagi mendapatkan bantuan, keluarga anggota hendaklah mengemukakan kepada Lembaga :-
 - (a) Salinan surat kematian Anggota itu yang disahkan oleh Ketua Polis Daerah atau Pegawai Perubatan yang mana berkenaan; dan
 - (b) Nama, nombor kad pengenalan dan alamat penuh keluarga (si penerima)
- (2) Setiap Perwakilan Daerah Koperasi hendaklah menentukan dokumen dan butir di **Subaturan 6(1)** dipenuhi dan dihantar oleh Perwakilan Daerah Koperasi atau keluarga anggota kepada Lembaga.

Lulus
Aturan
AGM83

Lulus
Aturan
AGM84

Akaun

7. Pada setiap akhir tahun kewangan Koperasi ini, akaun Kumpulan Wang ini hendaklah disatukan dengan akaun-akaun Koperasi. Lembaga hendaklah juga membentangkan penyata mengenai Kumpulan Wang ini kepada Perwakilan-perwakilan dalam Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan.

Kelayakan Menerima Bantuan Kematian

8. Tiap-tiap Anggota yang namanya telah didaftarkan di dalam Daftar Anggota, telah menjelaskan fi masuk dan memiliki harga penuh **200 unit syer** bernilai RM1.00 bagi satu unit syer, keluarganya layak menerima Bantuan Kematian.

Lulus
Aturan
AGM83

5. ATURAN PENAMA

Tujuan

1. Aturan ini dibuat dengan tujuan menjelaskan maksud dan kehendak Undang-undang Kecil 18.

Tafsiran Penama

2. (1) Penama kepada anggota-anggota yang beragama Islam bagi maksud Undang-undang Kecil 18 bukannya orang yang hendak mewarisi harta simati. Ianya adalah orang yang menerima wasi untuk mentadbir dan membuatkan pengagihan harta atas hakmilik simati.
(2) Penama kepada anggota-anggota yang bukan Islam bagi maksud Undang-undang Kecil 18 adalah orang yang akan menerima apa-apa harta atau hakmilik (simati) anggota.

Cara Membuat Tuntutan

3. (1) Hendaklah mengisi borang tertentu yang disediakan bagi tujuan ini, boleh didapati daripada pejabat Koperasi.
(2) Cara membuat bayaran harta atau hak milik simati (anggota).
 - (a) Pembayaran yang dibuat ke atas harta hak milik simati (anggota) yang beragama Islam yang mempunyai penama hendaklah dibayar terus kepada penama tersebut dengan diingatkan secara bertulis dalam membuat pembayaran itu atau adalah menjadi tanggungjawab penama tersebut membuat pembahagian harta-harta itu mengikut hukum Islam (berdasarkan sijil faraid). Koperasi ini hanya bertanggungjawab menyerahkan harta itu kepada penama atau pun wasi anggota yang meninggal dunia.
 - (i) Pembayaran yang dibuat atas harta hak milik simati (anggota) yang beragama Islam yang tidak mempunyai penama, waris-waris yang terdekat yang mutlak tasaruf hendaklah mendapatkan surat kuasa dan dengan adanya surat kuasa itu Koperasi ini akan menyerahkan sebarang pembayaran kepada pemegang surat kuasa itu (wasi) dan terpulanglah kepada wasi itu untuk membahagikannya.
 - (b) Bagi yang bukan Islam Koperasi ini hanya akan bertanggungjawab menyerahkan pembayaran terus kepada penama.

- (i) Jika sekiranya anggota (simati) tidak mempunyai penama, waris-waris anggota (simati) hendaklah mendapatkan surat kuasa dan Koperasi ini akan menyerahkan kepada pihak yang diberi kuasa untuk menerima sebarang pembayaran.
- (c) Jika sekiranya sebarang peraturan atas **perenggan 3 (2) (a) dan (b)** di atas tidak dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan, Koperasi ini akan menyerahkan semua wang atau pun harta itu kepada Amanah Raya Berhad.

Lulus
Aturan
AGM83

Pertelingkahan

- 4. Sebarang pertelingkahan atau pertikaian mengenai pengagihan harta atau milik simati akan dirujuk pihak berkuasa yang berkaitan dengan satu-satu masalah atau kepada mana-mana agensi pengurusan pusaka yang berdaftar di bawah undang-undang Malaysia.

Lulus
Aturan
AGM84

6. ATURAN PENUBUHAN DAN PEMANSUHAN DAERAH KOPERASI

Tujuan

1. Aturan ini dibuat dengan tujuan menjelaskan maksud dan kehendak Undang-undang Kecil 49 (2) (z).

Lulus
Aturan
AGM83

Penubuhan Daerah

2. Jabatan, Kontinjen, Formasi, Bahagian, Daerah, Cawangan dan Unit Polis yang mempunyai 200 orang keanggotaan Koperasi (polis dan kakitangan awam yang berkhidmat dengan Pasukan Polis) atau lebih, boleh memohon untuk penubuhan Daerah Koperasi dengan syarat-syarat berikut :-
 - (1) Mengemukakan permohonan bertulis dengan keanggotaan Polis dan keanggotaan Koperasi Daerah berkenaan;
 - (2) Membutirkan maklumat berhubung dengan keanggotaan Polis dan keanggotaan Koperasi Daerah berkenaan;
 - (3) Asas-asas kenapa Daerah ini perlu ditubuhkan;
 - (4) Sokongan daripada Ketua Jabatan/Pegawai Pemerintah; dan
 - (5) Pihak Lembaga adalah berkuasa menerima atau menolak permohonan ini.

Pemansuhan Daerah

3. Pihak Anggota Lembaga berkuasa memansuhkannya berdasarkan keadaan berikut :-
 - (1) Daerah yang sedia wujud di mana keanggotaan Polis kurang daripada 200 orang akan gugur daripada menjadi Daerah Koperasi melainkan/atau Lembaga berpendapat daerah ini patut dicantumkan dengan daerah yang berdekatan berdasarkan kedudukannya yang strategik;
 - (2) Daerah yang sedia wujud di mana keanggotaan Koperasi kurang daripada 200 orang keanggotaan di Daerah tersebut akan gugur daripada menjadi Daerah Koperasi melainkan/atau Lembaga berpendapat daerah ini patut dicantumkan dengan daerah lain; dan
 - (3) Sebab-sebab lain yang difikirkan munasabah Daerah Koperasi ini patut dimansuhkan atau dicantumkan.

7. ATURAN PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA

Lulus
Aturan
AGM84

Siaran Perintah Pasukan Khas

1. Dalam tempoh tiga bulan sebelum Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan, Setiausaha Koperasi hendaklah memohon kebenaran daripada Ketua Polis Negara untuk menyiarkan kenyataan dalam Perintah Pasukan Khas Polis DiRaja Malaysia bagi mempelawa anggota-anggota Koperasi yang memenuhi syarat kelayakan menjadi calon menawarkan diri masuk bertanding dalam pemilihan jawatan Anggota Lembaga. Borang pencalonan boleh didapati dari pejabat Setiausaha Koperasi. Nama-nama calon berserta penyokongnya hendaklah sampai ke pejabat Setiausaha Koperasi dalam tempoh tiga puluh hari daripada tarikh Perintah Pasukan Khas itu dikeluarkan. Setiausaha akan menyerahkannya kepada Jawatankuasa Pemilih yang dilantik oleh Yang Dipertua.

Lulus
Aturan
AGM83

Kelayakan Calon Anggota Lembaga

2. Anggota-anggota yang hendak menjadi calon dalam pemilihan Anggota Lembaga hendaklah :-
 - (a) Telah menjadi anggota Koperasi tidak kurang dari 5 tahun berturut-turut;
 - (b) Telah menjelaskan syer, yuran dan ansuran pembiayaannya jika ada, dengan kemaskini;
 - (c) Berkhidmat di kawasan Wilayah Persekutuan atau sekitar kawasan yang tidak melebihi empat puluh lapan (48) kilometer daripada alamat berdaftar Koperasi;
 - (d) Mengisi borang pencalonan yang dikhaskan oleh Koperasi dengan syarat mendapat persetujuan daripada Ketua Polis Daerah atau Pegawai Pemerintahnya;
 - (e) Bersih daripada rekod tindakan tatatertib selama tiga (3) tahun berturut-turut;
 - (f) Tidak terlibat dalam kes jenayah dan tatatertib, dimana kes-kes tersebut didapati positif;
 - (g) Membenarkan Koperasi mendapatkan pengesahan mengenai **perenggan 2(e) dan 2(f)** di atas daripada Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) PDRM; dan

Lulus
Aturan
AGM83

Lulus
Aturan
AGM84

- (h) Apabila Lembaga menerima pengesahan mengenai kedudukan calon Lembaga daripada Urusetia KPN (Tatatertib) berhubung dengan **perenggan 2 (e) dan (f)** di atas, Lembaga akan memutuskan kedudukan kelayakan calon tersebut untuk bertanding selaras dengan pengesahan yang dibuat oleh Urusetia KPN (Tatatertib). Keputusan Lembaga adalah muktamad.

Lulus
Aturan
AGM83

Kelayakan Calon Jawatankuasa Audit Dalaman

3.

- Dimansuhkan -

Lulus
Aturan
AGM83

8. ATURAN PELANTIKAN JAWATANKUASA PEMILIH ANGGOTA LEMBAGA

Lulus
Aturan
AGM84

Pelantikan Jawatankuasa Pemilih

Lulus
Aturan
AGM84

1. Yang Dipertua hendaklah melantik Jawatankuasa Pemilih yang mengandungi tidak kurang daripada tiga orang termasuk Pengerusinya dan mereka itu bukan Anggota Lembaga atau Perwakilan Daerah. Mereka hendaklah bertanggungjawab terhadap semua aturan-aturan pemilihan. Mereka boleh mendapatkan khidmat sebarang orang atau orang lain untuk mengira kertas undi. Jika timbul keraguan mengenai kertas undi itu samada sah atau tidak atau terdapat aduan mengenai calon-calon Anggota Lembaga yang melanggar aturan atau garis panduan serta syarat-syarat yang disediakan oleh Jawatankuasa Pemilih maka Pengerusi Jawatankuasa Pemilih mempunyai kuasa untuk memutuskan samada kertas undi serta calon-calon Anggota Lembaga terbabit boleh ditolak atau dikecualikan daripada bertanding. Keputusan Pengerusi Jawatankuasa Pemilih adalah muktamad.

Lulus
Aturan
AGM83

Skop Pengundian

2. Seseorang perwakilan hendaklah menandakan di atas kertas undi nama-nama **dua orang** atau lebih yang diperlukan berkhidmat dalam Lembaga. Pemilihan yang kurang atau lebih daripada yang dikehendaki, hendaklah dianggap batal.

Lulus
Aturan
AGM83

Tugas Dan Kewajipan Jawatankuasa Pemilih

3. Jawatankuasa Pemilih hendaklah menjalankan kewajipan mereka memeriksa, mengira dan mendaftarkan undi-undi itu dan menghantar satu laporan yang bertulis kepada Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan untuk diumumkan keputusan pemilihan itu. Sekiranya didapati undi sama banyak, maka calon yang hendak dipilih menjadi Anggota Lembaga itu mestilah diputuskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan.

Lulus
Aturan
AGM83

Pelupusan Kertas Undi

4. (1) Jawatankuasa Pemilih setelah selesai menjalankan kewajipan mereka, kertas-kertas undi yang telah dipakai hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat bermetri dan disimpan selama satu bulan dan selepas itu diserahkan kepada Setiausaha Koperasi untuk dilupuskan.
- (2) Bagi kertas-kertas undi yang tidak dipakai, kertas-kertas tersebut hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat bermetri dan

Lulus
Aturan
AGM84

disimpan untuk selama satu bulan dan selepas itu diserahkan kepada Setiausaha Koperasi untuk dilupuskan.

- (3) Pelupusan kesemua kertas-kertas undi sama ada yang telah dipakai atau yang belum dipakai hendaklah dijalankan dihadapan Jawatankuasa Pemilih.

9. ATURAN TETAP MESYUARAT AGUNG

Keanggotaan Mesyuarat

1. Mesyuarat Agung Perwakilan hendaklah mengandungi :-
 - (a) Pengerusi;
 - (b) Setiausaha;
 - (c) Anggota-Anggota Lembaga; dan
 - (d) Perwakilan Daerah atau Formasi.

Tempat Perhimpunan

2. Para Perwakilan akan berhimpun di suatu tempat dan masa dan tarikh yang ditetapkan dalam Notis Mesyuarat.

Surat Tauliah Perwakilan

3. Jika sekiranya Perwakilan-perwakilan yang telah dipilih oleh anggota-anggota Koperasi Daerah atau Formasi masing-masing tidak dapat menghadiri Mesyuarat Agung Perwakilan, kerana tugas-tugas rasmi Jabatan, maka Perwakilan-perwakilan simpanan hendaklah hadir sebagai ganti dengan syarat diberi kuasa oleh Pengerusi peringkat Daerah atau Formasi.

Bahasa Rasmi

4. Bahasa rasmi bagi urusan Mesyuarat Agung Perwakilan ialah Bahasa Kebangsaan.

Kuorum

5. Kuorum mesyuarat hendaklah mengandungi tidak kurang daripada satu pertiga daripada jumlah keseluruhan perwakilan yang menghadiri mesyuarat itu. Bagi maksud meminda Undang-undang Kecil, kuorum hendaklah tidak kurang dua pertiga daripada jumlah Perwakilan hendaklah hadir, melainkan kuorum yang terkurang yang dibenarkan oleh Suruhanjaya.

Lulus
Aturan
AGM84

Pengerusi

6. Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan dan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas adalah tertakluk kepada peruntukan **Undang-undang Kecil 33(1)**.

Lulus Aturan AGM83

Pakaian

7. Pakaian di waktu menghadiri Mesyuarat Agung Perwakilan hendaklah dengan kemas dan tertib ataupun pakaian yang diarahkan oleh Lembaga.

Minit Mesyuarat

8. Minit Mesyuarat Agung Perwakilan akan diedarkan dan dibawa kepada pembacaan, tidak boleh dibincangkan melainkan mengenai pembetulan sahaja. Selepas mengesahkan minit tersebut Pengerusi hendaklah menandatangani. Kemudian Perwakilan-perwakilan adalah bebas membuat apa juga pertanyaan untuk mendapatkan sebarang penjelasan yang timbul darinya. Soalan yang demikian ini hanya dibenarkan untuk penerangan sahaja. Tiada perdebatan boleh dibuat terhadap sebarang dasar yang ditetapkan di dalam Minit Mesyuarat Agung Perwakilan.

Laporan Tahunan

9. (1) Laporan Tahunan yang mengandungi Laporan Lembaga dan Penyata Kewangan akan dibentangkan untuk dibincangkan setelah Minit Mesyuarat Agung Perwakilan disahkan. Penerimaannya hendaklah dibuat di bawah sebuah syor “telah diterima dan diluluskan”.
- (2) Perkara-perkara yang terkandung didalam Laporan Tahunan akan diulas mengikut bilangan (seriatim) dan tidak seluruhnya. Laporan Tahunan mestilah diberi keutamaan dari lain-lain perkara melainkan satu-satu syor yang ditujukan khas kepada mana-mana bilangan dalam laporan tersebut. Sebarang syor seperti ini hendaklah dibuat dengan persetujuan Pengerusi. Syor seperti ini mestilah dalam bentuk menyentuh sebarang fasal yang tidak boleh diterima atau sebarang ketinggalan yang mendukacitakan.

Tertib Berucap

10. Para Perwakilan apabila hendak bercakap mestilah berdiri dengan mengalamatkan kepada Pengerusi seperti “Tuan Pengerusi”.

Keutamaan Bercakap

11. (1) Jika dua atau lebih Perwakilan bangun dalam satu-satu masa untuk bercakap, Pengerusi akan menentukan kepada siapa akan diberi keutamaan; dan
- (2) Jika Pengerusi memberi arahan untuk bertenang atau apa jua yang ada kaitan dengan mesyuarat, Perwakilan yang sedang berucap hendaklah kembali duduk dan tidak boleh lain-lain Perwakilan bangun sehingga Pengerusi memberi kebenaran untuk melanjutkan perbincangan.

Perwakilan Bercakap Sekali

12. Perwakilan-perwakilan tidak boleh bercakap lebih dari sekali di atas sebarang syor atau pindaan yang sama kecuali (sebagai pembawa usul atau pindaan yang menjadi usul tetap) untuk melanjutkan perbincangan.

Had Bercakap

13. (1) Sebagai pembawa usul atau pindaan, tidak dibenarkan bercakap lebih dari lima minit dan tiap-tiap perbicaraan kemudiannya tidak boleh dibenarkan bercakap lebih dari tiga minit melainkan tempoh masa ini boleh dilanjutkan dengan ihsan Pengerusi.
- (2) Apabila masa tambahan ini dibenarkan oleh Pengerusi kepada seseorang Perwakilan, maka tempoh masa tambahan ini mestilah tidak melebihi dua minit.

Lulus
Aturan
AGM84

Menyimpan Ucapan (Reserve Speech)

14. Seseorang Perwakilan bolehlah membuat sokongan kepada sebarang usul atau pindaan, menyimpan ucapan (reserve speech) kepada masa perbahasan, terkemudian di atas usul atau pindaan itu. Jika syor yang dipersoalkan itu tidak memerlukan hujah sebagai yang diperlukan.

Syor (Motion)

15. (1) Sebarang cadangan pertama di dalam satu perkara itu akan dikenali sebagai "Usul Asal" dan semua cadangan yang berikutnya dari hal perkara yang sama akan dikenali sebagai "Pindaan".
- (2) Tiap-tiap pindaan atau usul mestilah dicadang dan disokong sebelum ianya dapat dibincangkan terus dan hendaklah dibentangkan dengan cara bertulis.

Pindaan Atau Penarikan Usul

16. Satu-satu cadangan atau pindaan yang telah ditetapkan dalam agenda atau yang telah disokong tidak boleh ditarik balik tanpa mendapat keizinan dari Mesyuarat Agung Perwakilan. Jika cadangan itu diberi izin oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ditarik balik dan cadangan itu ada pindaan, pengganti, menambah atau menggugur perkataan-perkataan dalam satu usul dengan tujuan untuk memperbaikinya ada menunjukkan persamaan sebagai cadangan di dalam agenda, maka pindaan itu akan menjadi usul.

Lulus
Aturan
AGM84

Cadangan Tanpa Sokongan

17. Sesuatu usul atau pindaan ini tidak boleh dibincangkan sehingga mendapat sokongan. Jika sebarang usul atau pindaan itu tidak mendapat sokongan, maka usul atau pindaan itu gugur dengan sendirinya.

Usul Oleh Perwakilan Daerah

18. (1) Sebarang usul yang akan dibentangkan oleh Perwakilan Daerah dalam Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan atau Mesyuarat Agung Perwakilan Khas hendaklah diluluskan terlebih dahulu oleh Mesyuarat Agung Daerah yang dihadiri oleh satu pertiga daripada jumlah anggota yang layak menerima notis mesyuarat dalam daerah yang berkenaan atau lima puluh orang, mengikut mana yang kurang. Usul-usul yang diluluskan ini hendaklah dikemukakan ke Pejabat Berdaftar Koperasi dalam masa **tujuh hari** sebelum Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan atau Mesyuarat Agung Perwakilan Khas.

Lulus
Aturan
AGM84
- (2) Dalam kes-kes mustahak Anggota Lembaga bolehlah memohon sidang bagi pertimbangan kepada satu-satu cadangan dan laporan yang dikemukakan sebagaimana dibekalkan di **Aturan 9 (23)**.

Lulus
Aturan
AGM83
- (3) Jika Perwakilan-perwakilan Daerah membentangkan kepada sidang sebarang cadangan yang mengandungi usul atau sokongan yang memerlukan kelulusan dan pengumuman oleh sidang, maka Lembaga akan membentangkan di bawah tajuk yang berpadan bagi kelulusan dan penerimaan.

Lulus
Aturan
AGM83

Usul Tanpa Perdebatan Pemberitahuan

19. Cadangan berikut boleh dibentangkan bila-bila masa tanpa memberitahu terlebih dahulu di dalam agenda :-

- (a) Hal yang mendahului diberi kepada satu-satu perkara yang dibentangkan dalam agenda;
- (b) Peluang untuk menarik balik atau membuat pindaan hendaklah diberi kepada sebarang pindaan dan cadangan;
- (c) Apa juga soalan boleh dikemukakan;
- (d) Sidang boleh menjalankan kepada perkara seterusnya;
- (e) Perucapan tidak lagi kedengaran;
- (f) Perdebatan ditangguhkan;
- (g) Persidangan ditangguhkan;
- (h) Persidangan itu (atau di mana bahagian) akan diadakan secara tertutup; dan

(i) Lain-lain cadangan yang sidang telah bersetuju untuk membincangkan di bawah **Aturan 9 (23)**, aturan ini :-

Lulus
Aturan
AGM83

(i) Mana juga cadangan yang jatuh di bawah **perenggan (a) ke (f)** yang mendapat sokongan, hendaklah diundi tanpa dibincangkan dan tiada pindaan boleh dibenarkan;

Lulus
Aturan
AGM83

(ii) Mana juga cadangan yang jatuh di bawah **perenggan (g) ke (h)** boleh atas ihsan Pengerusi untuk dibincangkan dan boleh dibenarkan pindaan;

Lulus
Aturan
AGM83

Lulus
Aturan
AGM84

(iii) Jika syor yang ditimbulkan itu merupakan sebagai soalan yang membawa kepada cadangan, maka hak untuk menjawab sebagaimana yang diperbekalkan mengikut aturan ini, dan perdebatan akan ditamatkan dan undi hendaklah diambil segera berikutnya;

(iv) Sesuatu cadangan yang dipersoalkan tiada boleh dibentangkan semasa Perwakilan sedang bercakap kepada sidang; dan

(v) Cadangan di bawah **perenggan (c), (d) atau (e)** tidak boleh dibentangkan atau disokong oleh Perwakilan yang telah berucap kepada sidang dari usul atau pindaan yang sidang diperdebatkan.

Lulus
Aturan

Lulus
Aturan
AGM83

Perbatasan Untuk Mengemukakan Usul Dan Pindaan Oleh Seorang Perwakilan

20. Seorang Perwakilan tidak boleh mengemukakan atau menyokong lebih dari sekali. Sebarang pindaan kepada satu-satu usul pihak pembawa atau penyokong tidak boleh mengemukakan atau menyokong kepada sebarang pindaan lain kepada usul tersebut.

Pindaan

21. Jika sebarang pindaan dikemukakan dan disokong kepada satu-satu usul, pindaan selanjutnya tidak boleh dibuat sehingga pindaan yang pertama dibatalkan. Jika pindaan tanpa sokongan, pindaan selanjutnya bolehlah dikemukakan kepada usul asal tetapi hanya sekali pindaan sahaja boleh dimajukan dalam satu-satu masa. Apabila pindaan kepada usul tersebut diisytiharkan, usul yang telah dipinda itu akan menjadi usul asal, yang mana pindaan selanjutnya boleh dikemukakan tertakluk kepada **Aturan 9 (23)**.

Lulus
Aturan
AGM83

Hak Menjawab

22. (1) Pembawa usul (termasuk pembawa pindaan yang menjadi usul asal) akan mempunyai hak untuk menjawab dengan syarat jawabannya hendaklah sebagai menjawab kepada ucapan yang dibuat terdahulu, tiada boleh perkara-perkara baru dibangkitkan. Setelah menjawab, jika ada, usul tersebut mestilah diundi dengan segera bagi mendapatkan dua pertiga suara daripada Perwakilan yang hadir. Pembawa pindaan tidak berhak untuk menjawab.
- (2) Apabila usul asal telah diganti dengan usul pindaan yang menjadikan usul asal, maka hak menjawab, diperuntukkan kepada pembawa pindaan dan jika berlaku beberapa pindaan yang berlarutan, hak ini akan menurun kepada pembawa pindaan yang mana akhirnya menjadi usul asal bagi sidang.

Usul Mustahak (Emergency)

23. Sebarang usul yang tidak dijadualkan di dalam agenda tidak boleh dikemukakan di dalam sidang. Tiap-tiap Perwakilan yang berhajat untuk membawa perkara-perkara yang tidak bertulis dalam kertas agenda mestilah mempunyai hak untuk mengemukakan sebagai "Perkara-Perkara Mustahak". Usul sedemikian hendaklah dibuat dengan cara bertulis dan ditandatangani oleh pembawanya serta diserahkan kepada Pengerusi yang akan membacakan kepada sidang. Pengerusi akan menangguhkan sidang dalam masa tidak lebih dari lima minit apabila sidang disambung semula. Pengerusi hendaklah sekali lagi membaca usul tersebut dan hendaklah meletakkan perkara itu kepada sidang bagi ditimbang atau tidak. Perwakilan yang mencadangkan usul tersebut akan hanya bercakap jika sidang bersetuju menerima dengan kelebihan undi dua pertiga suara dari Perwakilan yang hadir bersetuju kepada usul tersebut.

Aturan Perjalanan Mesyuarat Agung Perwakilan Dan Kuasa Pengerusi

24. (1) Aturan bagi menjalankan Mesyuarat Agung Perwakilan hendaklah dilaksanakan mengikut perbekalan-perbekalan Undang-undang Kecil Koperasi dan Tatacara Aturan ini mengenai permesyuaratan. Jika sekiranya tiada perbekalan terdapat di bawah aturan di atas, Pengerusi mestilah menentukannya.
- (2) Keputusan Pengerusi berkaitan dengan aturan yang timbul di sidang berhubung dengan aturan-aturan tetap mestilah muktamad dan dipatuhi dan tidak dicabar lagi.

Soalan Dan Perintah Susunan

25. Para Perwakilan pada bila-bila masa pun boleh membangkitkan sebarang maksud yang tepat (Point Of Order) atau bertanya sebarang soalan tetapi hendaklah ditunjukkan khas kepada perkara yang ada kaitan dengan perbincangan majlis. Dia hendaklah menunjukkan soalan tersebut kepada Pengerusi, pihak Pengerusi akan membuat perhatian kepada soalan yang dikemukakan itu sebagai pemberi maksud yang tepat atau bertanyakan soalan yang mana sesuai.

Gangguan

26. Jika ada Perwakilan mengganggu Perwakilan-perwakilan yang lain sedang bercakap kepada sidang atau menggunakan perkataan yang biadap atau lucah atau menimbulkan keributan atau tidak patuh kepada perintah Pengerusi apabila diarah bertenang, Perwakilan itu akan dikeluarkan dari dewan dan tidak dibenarkan masuk selagi dia tidak menuntut maaf dan Pengerusi berpuashati.

Undi

27. Semua perkara hendaklah diputuskan dengan kelebihan undi kecuali perkara yang berkaitan dengan pindaan Undang-undang Kecil, apabila mendapat undi sama banyak, disifatkan kalah. Pengerusi tidak boleh membuat undi pemutus. Pengundian hendaklah dilakukan dengan cara mengangkat tangan melainkan jika sekiranya kelebihan satu pertiga suara daripada Perwakilan-perwakilan yang hadir berkehendakkan Pengundian Sulit.

Penggantungan Aturan Tetap Mengenai Mesyuarat Agung Perwakilan

28. Satu atau lebih daripada aturan mengenai mesyuarat bolehlah digantung dengan membuat cadangan oleh para Perwakilan berhubung dengan satu-satu perkara khas berkaitan dengan kelicinan mesyuarat dan mesyuarat selanjutnya bolehlah menggantungkan aturan yang dimaksudkan dengan syarat mestilah memerlukan undi tidak kurang dari dua pertiga suara dari Perwakilan-perwakilan yang hadir itu mengundi kepada cadangan tersebut.

Kuasa Pembatalan

29. Lembaga dari semasa ke semasa jika perlu, akan mengemukakan sokongan kepada Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan bagi meminda atau membatalkan berkaitan dengan aturan tetap ini.

Lulus Aturan AGM84

10. ATURAN WANG TABUNG PEMBIAYAAN

Tujuan

1. Tujuan aturan ini ialah bagi membolehkan Koperasi menghapus kira baki hutang pembiayaan anggota di bawah **1.2 Pembiayaan Persendirian Tanpa Penjamin setelah peminjam meniggal dunia.**

Lulus Aturan AGM83

Sumber Kewangan

2. Sumber Kewangan Wang Tabung Pembiayaan ialah :-
 - (a) **Kutipan 1% atas jumlah pembiayaan RM20,000.00 dan ke bawah yang diluluskan dan dua peratus (2%) atas jumlah pembiayaan melebihi RM20,000.00 atau lebih;**
 - (b) Segala perolehan atau pulangan daripada Wang Tabung Pembiayaan ini;
 - (c) Jika berlaku kekurangan kepada Wang Tabung Pembiayaan ini Lembaga bolehlah meminjamkan daripada peruntukkan kewangan Koperasi bagi menampung kekurangan yang diperlukan.
3. Jika seseorang peminjam disahkan telah meninggal dunia melalui Sijil Kematian yang dikemukakan maka Lembaga hendaklah menghapus kira segala baki hutang peminjam setelah ditolak Modal Yuran dan Modal Syer peminjam dari Wang Tabung Pinjaman.

Lulus Aturan AGM83

Lulus Aturan AGM84

Pentadbiran

4. Kumpulan Wang Tabung Pembiayaan ini hendaklah ditadbirkan oleh Lembaga tertakluk kepada aturan-aturan ini.

Akaun

5. Pada setiap akhir Tahun Kewangan Koperasi ini, akaun Wang Tabung Pembiayaan ini hendaklah disatukan dengan akaun-akaun Koperasi. Lembaga hendaklah membentangkan penyata mengenai Wang Tabung Pembiayaan ini kepada Perwakilan-perwakilan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.

11. ATURAN PEMILIHAN AHLI JAWATANKUASA KECIL DAERAH / FORMASI

Kelayakan Bertanding

1. Setiap anggota yang namanya telah didaftarkan di dalam Daftar Anggota, telah menjelaskan fi masuk dan memiliki sekurang-kurangnya **200 unit syer** adalah layak bertanding dalam pemilihan Ahli Jawatankuasa Kecil Daerah. Bagi anggota yang tidak dapat hadir pada masa pemilihan tersebut, beliau hendaklah mengemukakan akuan persetujuan dicalonkan dalam masa 48 jam sebelum pemilihan dijalankan.

Lulus Aturan AGM83

Pemilihan Wakil Daerah / Formasi Pengundian Secara Sulit

2. (1) Mesyuarat Agung Daerah / Formasi melantik tiga (3) anggota sebagai Badan Pengira Undi terdiri daripada anggota Koperasi yang tidak bertanding. Salah seorang daripada anggota berkenaan dilantik sebagai Pengerusi Badan Mengira Undi.
- (2) Mencalonkan enam (6) anggota atau lebih yang ingin bertanding dan tuliskan di Papan Kenyataan mengikut siri nombor. Setiap pencalonan mestilah ada pencadang dan penyokong.
- (3) Badan Mengira Undi akan mengedarkan kertas undi kepada semua anggota Koperasi yang hadir mengikut daftar kehadiran mesyuarat.
- (4) Anggota Koperasi yang memperolehi kertas undi akan memangkah tiga (3) calon di dalam ruang yang dipangkah, jika memangkah lebih dari tiga, kertas undi berkenaan dianggap rosak.
- (5) Kertas Undi yang telah disempurnakan di masukkan ke dalam Peti Undi yang disediakan dan diserahkan kepada Pengerusi Badan Mengira Undi.
- (6) Pengiraan kertas undi akan dilaksanakan oleh Badan Mengira Undi setelah semua anggota selesai menjalankan pengundian.
- (7) Keputusan Pengerusi Badan Mengira Undi adalah muktamad.

12. ATURAN PELANTIKAN JAWATANKUASA KECIL PENAPIS USUL

Perlantikan Jawatankuasa Kecil Penapis Usul

1. Lembaga hendaklah melantik Jawatankuasa Kecil Penapis Usul yang mengandungi tidak kurang daripada tiga (3) orang yang terdiri daripada Anggota Lembaga.

Skop Tugas

2. Tertakluk kepada **Aturan 12 (3)**, Jawatankuasa Kecil Penapis Usul hendaklah menjalankan kewajipan mereka menyemak, memeriksa, membincang dan menapis usul-usul yang telah dikemukakan oleh Setiausaha Mesyuarat Agung Peringkat Daerah.
3. Jawatankuasa Kecil Penapis Usul berhak menerima, menyokong atau menolak usul-usul yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Peringkat Daerah.

Lulus
Aturan
AGM83

Usul-Usul

4. Kuorum untuk membincangkan usul dalam Mesyuarat Agung Peringkat Daerah hendaklah dihadiri tidak kurang dari lima puluh atau satu perlima daripada jumlah anggota Daerah berkenaan itu, mengikut mana yang kurang.

Usul yang hendak dikemukakan dalam Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan hendaklah mendapat kelulusan sekurang-kurangnya lima puluh atau satu perlima anggota yang hadir dalam Mesyuarat Agung Daerah itu, mengikut mana yang kurang dan dikemukakan ke Pejabat Berdaftar Koperasi ini dalam masa tujuh hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan diadakan.

Lulus
Aturan
AGM84

4.1 Usul Yang Ditolak

- (i). Usul-usul berbentuk pertanyaan boleh ditolak dan jawapan akan diberi terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan; atau
- (ii). Usul-usul yang sekiranya diluluskan pada pendapat Jawatankuasa Kecil Penapis Usul bercanggah dengan peruntukan Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi ini; atau
- (iii). Usul yang sekiranya diluluskan pada pendapat Jawatankuasa Penapis Usul boleh menjejaskan imej serta memudaratkan kepentingan Koperasi dengan anggotanya; atau

- (iv). Usul-usul yang tidak mendapat kelulusan sekurang-kurangnya lima puluh atau satu perlima daripada anggota yang hadir di Mesyuarat Agung Daerah berkenaan itu, mengikut mana yang kurang.

4.2 Usul Diterima Tanpa Bahas

- (i). Usul-usul yang tidak melibatkan kewangan Koperasi ini boleh diterima tanpa bahas; atau
- (ii). Usul-usul yang pada pendapat Jawatankuasa Penapis Usul membawa kepentingan atau faedah kepada Koperasi ini atau anggota sekiranya diluluskan.

Boleh diterima tanpa dibahaskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan.

4.3 Usul Yang Diterima Selepas Perbahasan

Usul-usul yang dibahaskan dan pengundian dibuat dengan $\frac{2}{3}$ daripada jumlah Perwakilan yang hadir telah memberi sokongan adalah dianggap sebagai usul yang diterima dan diluluskan.

13. ATURAN PENGAMBILAN DEPOSIT WANG SEKURITI / WANG TAHANAN DARIPADA PIHAK KETIGA

Deposit Wang Sekuriti / Wang Tahanan

1. Di dalam melaksanakan operasi aktiviti harian Koperasi, terdapat juga keperluan untuk Koperasi menetapkan serta memegang / mengambil Deposit Wang Sekuriti / Wang Tahanan selaras dengan kontrak dan amalan industri yang berkaitan.

Aturan Baru AGM81

Jumlah Yang Dikenakan

2. Jumlah Deposit Wang Sekuriti / Wang Tahanan akan ditetapkan berlandaskan kepada persetujuan bersama koperasi dan pihak ketiga.

Pentadbiran

3. Deposit Wang Sekuritu / Wang Tahanan akan diserahkan oleh Ketua Bahagian / Ketua Cawangan / Ketua Unit kepada Bahagian Kewangan untuk pentadbiran sementara sehingga wang tersebut dikembalikan semula.

Pengambilan Semula

4. Semua atau sebahagian Deposit Wang Sekuriti / Wang Tahanan akan dikembalikan semula kepada pihak ketiga selaras dengan tamatnya kontrak atau mengikut terma-terma serta syarat-syarat kontrak atau mengikut amalan industri yang mana yang berkenaan.

14. YURAN

Tujuan

1. Tujuan aturan ini diwujudkan ialah untuk urusan pentadbiran yuran dan pengeluaran yuran.

Aturan Baru AGM84

Yuran

2. Yuran bulanan anggota seperti yang diperuntukkan dibawah Undang-Undang Kecil 62 hendaklah sekurang-kurangnya RM50.00 (Ringgit: Lima Puluh) sebulan. Walau bagaimanapun, anggota boleh membuat caruman yuran tambahan secara tunai tertakluk kepada syarat dan terma yang ditetapkan oleh Koperasi.

Syarat Pengeluaran Yuran

3. Lembaga boleh membenarkan pengeluaran yuran tertakluk kepada syarat di dalam Undang-Undang Kecil 63.
4. Pengeluaran yuran akan dibenarkan hanya jika Lembaga berpuas hati dengan sepenuhnya bahawa sesuatu permohonan itu adalah benar dan permohonan mestilah disertakan dokumen sokongan serta bukti yang sah berhubung dengan tujuan yang dinyatakan di dalam Undang-Undang Kecil 63.
5. Anggota mestilah mempunyai yuran minimum sebanyak RM2,000.00 (Ringgit: Dua Ribu) kekal dalam simpanan anggota yang tidak dicagarkan bagi setiap pengeluaran ataupun sebarang had yang akan ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.
6. Fasal (1) Undang-Undang Kecil 63 tidak terpakai bagi anggota yang telah bersara dan masih mengekalkan keanggotaannya di dalam Koperasi.
7. Modal yuran boleh dijadikan cagaran atas pembiayaan sendiri.

Pemakaian

8. Aturan ini adalah tertakluk dan hendaklah dibaca bersekali dengan Undang-Undang Kecil Koperasi dan Akta.

15. MODAL SYER

Tujuan

1. Tujuan aturan-aturan ini diwujudkan adalah untuk pemilikan modal syer mengikut Undang-Undang Kecil 61 dan perenggan 50 (b) Akta.

Aturan
Baru
AGM84

Modal Syer

2. Bagi maksud Fasal 1 Undang-undang Kecil 61 dan perenggan 50 (b) Akta, setiap anggota hendaklah melanggan RM200.00 (Ringgit: Dua Ratus) syer sebagai sumbangan minimum yang hendaklah dijelaskan di dalam Fasal (2) Undang-Undang Kecil 61 dan tidak boleh dikeluarkan kecuali selepas keanggotaan itu tamat.
3. Tiap-tiap anggota boleh menambah unit syernya dari semasa ke semasa mengikut persetujuan Lembaga tertakluk kepada had maksima RM30,000.00 (Ringgit: Tiga Puluh Ribu) syer.
4. Penambahan melalui pembelian syer hanya boleh dibuat secara tunai dan nilai minimum Modal Syer bagi setiap keluaran sijil ialah RM100.00 (Ringgit: Satu Ratus) syer.
5. Anggota yang memiliki syer melebihi RM30,000.00 (Ringgit: Tiga Puluh Ribu) syer yang diperoleh secara belian hendaklah mengemukakan sijil-sijil syer yang melebihi RM30,000.00 (Ringgit: Tiga Puluh Ribu) syer kepada Koperasi untuk ditebus.
6. Syer seseorang anggota yang mati akan diuruskan mengikut Undang-Undang Kecil 65.

Pindahan Syer

7. Seseorang anggota boleh memindahkan kepada anggota lain syer-syernya yang melebihi sumbangan minimum di bawah Fasal (1) Undang-Undang Kecil 61 dengan menandatangani boring pemindahan syer dan didaftarkan oleh Koperasi.

Penebusan Modal Syer

8. Jika seseorang anggota yang tamat keanggotaannya oleh apa-apa sebab jua pun dan pemindahan tidak dapat dibuat menurut Undang-Undang Kecil 65, maka syer-syer yang diperihalkan didalam undang-undang kecil itu bolehlah ditebus oleh Koperasi tertakluk kepada subaturan 15 (9) ini.

9. Syer-syer boleh ditebus dari Kumpulan Wang Penebusan Syer dan Kumpulan Wang Rizab Statutori tertakluk kepada Peraturan. Nilai tebusan syer-syer ini hendaklah mengikut sebagaimana yang ditunjukkan dalam akaun teraudit terakhir bagi Koperasi akan tetapi tidak boleh melebihi nilai asalnya.
10. Koperasi boleh menggunakan kumpulan wang rizab statutori untuk membuat pembayaran syer yang dikeluarkan oleh anggota tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Fasal (3) Undang-Undang Kecil 66.

Pemakaian

11. Aturan ini adalah tertakluk dan hendaklah dibaca bersekali dengan Undang-Undang Kecil Koperasi dan Akta.

☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆☆